

1hb Februari 2017

Kepada Pengundi Sg Siput yang dihormati,

Semasa kempen PRU 13 pada tahun 2013, saya telah berjanji saya akan menyuarakan isu-isu rakyat di Parlimen jika menang kerusi ini. Saya harap anda boleh ambil sedikit masa untuk membaca buku kecil ini untuk mengambil tahu apakah isu-isu yang telah dibentang oleh ahli parliment kamu. Jika ada sebarang soalan atau bantahan terhadap posisi-posisi yang diambil, tolong memberitahu saya melalui handset ataupun emel saya (rrani.kumard@gmail.com). Adalah antara tanggungjawab ahli parliment untuk berjumpa dan berbincang dengan pengundi.

Malangnya, dalam tahun 2015 dan 2016, Perdana Menteri kita telah memakai isu agama untuk memecahkan pakatan pembangkang dan memajukan agenda politik UMNO. Permainan catur politik ini telah menyebabkan kekhawatiran di sebahagian rakyat kita dan ketegangan di kalangan rakyat. Saya telah mencuba mengambil posisi yang berprinsip terhadap cabaran politik ini. Pendirian yang diambil saya adalah dipamirkan dalam *Usul mencadangkan Jawatankuasa Khas terhadap RUU 355 dan Perbincangan RUU 355 bersama PAS*. Tolong memberi maklumbalas anda terhadap pendirian ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucap terima kasih kepada anda atas kehormatan menjadi wakil anda di Parlimen. Saya telah belajar banyak dalam lapan tahun yang lalu. Saya harap anda tidak terlalu kecewa dengan prestasi wakil rakyat anda!

Dr Kumar

Kandungan	Mukasurat
Perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. 14/3/2016	4
Pindaan Akta Perkeso. 30/3/2016	9
Pindaan Akta Syarikat 2015. 4/4/2016	13
Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001. 6/4/2016	16
Pindaan Terhadap Kanun Tanah Negara 24/5/2016	19
Usul mencadangkan Jawatankuasa Khas terhadap RUU 355	23
BELANJAWAN 2017. 27/10/2016	25
Pengisytiharan Bukan Islam, Permintaan Kasar yang Lembab dan Pembiayaan Politik Perbahasan Bajet Jabatan Perdana Menteri. 8/11/2016	34
Penurunan Subsidi Padi, Masalah Lambakan Buah-buahan dan Pengusiran Penternak Lembu. Perbahasan Bajet Kementerian Pertanian. 10/11/2016	37
Peluang Keemasan untuk Mengkaji Semula Dasar Perdagangan Antarabangsa. Perbahasan Bajet MITI. 14/11/2016.	41
Harus Berwaspada dengan Hutang RM 100 bilion. Perbahasan Bajet Kementerian Pengangkutan 15/11/2016	45
Peruntukan Kementerian Kesihatan untuk memupuk Usahawan Bumiputra atau untuk merawat Rakyat	48

Marhaen?	
Strategi FiT Sekadar Window Dressing Sahaja!	50
Perbahasan Bajet Kementerian Tenaga. 16/11/16	
Baucar Penjagaan Kanak-Kanak Ibu Tunggal; Pencen Warga Tua	53
Perbahasan Bajet Kementerian Pembangunan Wanita. 21/11/2016	
Kanak-Kanak Tanpa Kewarganegaraan; Orang Pelarian 'Refugees'	57
Perbahasan Bajet Kementerian Dalam Negeri. 22/11/2016	
Keganasan Terhadap Kaum Rohingya di Rakhine	61
Bil Persendirian: Pindaan pada Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993	63
Aduan Polis: Tindakan PTG Perak yang Kejam. 6/5/2016	69
Perbincangan RUU 355 bersama PAS	72
Aduan Polis Terhadap Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan. 13/10/2016	77
Kemiskinan Masyarakat Melayu Luar Bandar Kertas kerja yang dibentangkan di Kongres PSM	80

Perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. 14/3/2016

Terima kasih Datuk Speaker atas peluang ini untuk berbahas Titah Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Saya ingin mengguna peluang ini untuk fokus pada satu kontradiksi yang besar dalam perlaksanaan polisi kerajaan Malaysia. Kerajaan kita berkata bahawa adalah hasrat kerajaan Malaysia untuk meningkatkan pendapatan golongan B40 dalam usaha mewujudkan satu masyarakat yang inklusif. Tetapi ada juga polisi kerajaan yang bercanggah dengan hasrat ini.

Di sebelah rumah saya di Ipoh ada sebuah sekolah bernama Sekolah Tarcisian Convent di mana ada 6 orang pekerja cleaner yang bertugas membersihkan sekolah. Mereka adalah pekerja syarikat Time Medi Enterprise yang dimiliki oleh seorang kontraktor Meor Mohsein. Masalah yang dihadapi oleh 6 orang pekerja ini adalah mereka tidak dibayar gaji sejak bulan Mei 2015.

Mereka telah mengadu kepada Guru Besar, kepada PPD, kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan juga kepada Pejabat Buruh di Ipoh. Tetapi sampai sekarang mereka belum dibayar selama lebih daripada 8 bulan.

Syarikat Time Medi Enterprise telah diberi kontrak membekalkan perkhidmatan pembersihan di 6 sekolah lagi dengan lebih daripada 35 pekerja. Kesemua mereka tidak dibayar gaji sejak bulan Mei tahun lalu.

Saya telah menimbulkan soalan terhadap perkara ini Datuk Speaker. Soalan saya adalah –
Mengapakah Kementerian Pendidikan telah membayar Time Medi Enterprise sehingga Disember 2015 walaupun kontraktor itu gagal

membayar gaji pekerjanya sejak Mei 2015 dan dijadikan muflis pada Julai 2015. Adakah Kementerian sedia membayar gaji tertunggak pekerja yang terlibat. Soalan ini ada # 44 pada 9/3/2016.

Jawapan daripada Kementerian Pendidikan adalah – KPM telah memulakan proses penamatan syarikat Time Medi Enterprise pada bulan April 2015 disebabkan prestasi syarikat yang tidak memuaskan. Bayaran terakhir yang telah dibuat ialah sehingga 31hb Mei 2015 dan tiada sebarang pembayaran dibuat kepada syarikat itu selepas tarikh tersebut.

Soalannya Datuk Speaker adalah – mengapakah 40 orang pekerja yang terlibat masih belum dibayar gaji mereka. Mengapa pihak KPM tidak adakan mesyuarat dengan pekerja untuk selesaikan masalah ini? Sudah 8 bulan mereka bekerja tanpa dapat gaji. Saya harap Menteri akan memberi jawapan kepada soalan ini minggu depan.

Masalah yang dihadapi oleh pekerja cleaner Time Medi Enterprise bukan satu perkara yang terpencil- yang jarang berlaku. Ada ramai pekerja kontrak di sekolah-sekolah kerajaan yang menghadapi masalah yang sama.

Ada satu lagi syarikat perkhidmatan pembersihan sekolah di Ipoh bernama Double Click Enterprise. Pengaruhnya adalah Datuk Hj Hashim Ahmad. Syarikat ini menjaga kebersihan 5 buah sekolah di Ipoh. Masalah dengan syarikat ini adakah selalu lambat dalam membayar gaji. Kadang-kadang sampai dua bulan. Dan walaupun ada potongan KWSP, caruman tidak dilakukan.

Pekerja yang terlibat telah mengadu pada Guru Besar, PPD, Jabatan Pendidikan Negeri dan juga KWSP. Tetapi apabila kontrak syarikat ini tamat pada Disember 2015, Pengarah syarikat ini Datuk Hj Hashim telah diberi kontrak baru untuk 3 tahun tetapi di bawah nama syarikat baru iaitu Usaha Haanaib. Mengapa ini berlaku? Mengapakah kontraktor yang kurang bertanggungjawab dikekalkan? Mengapakah dia ada kekebalan?

Masalah ini bukan sahaja di Ipoh Datuk Speaker. Kami telah menerima aduan daripada pekerja-pekerja keselamatan di Kedah. Adanya 100 orang pegawai keselamatan yang bekerja di beberapa sekolah di sekitar Sg Petani. Pada 1/1/2016 ini kontrak keselamatan telah diberi kepada syarikat One Mission Security Services Sdn Bhd. Masalahnya adalah syarikat One Mission ini telah menyifatkan semua pegawai keselamatan ini sebagai pekerja probationary (tempoh percubaan) dan menurunkan gaji mereka ke RM630 sebulan walaupun pegawai keselamatan telah bertugas di sekolah-sekolah itu untuk beberapa tahun di bawah kontraktor yang lama.

Pada fahaman saya kontrak yang dimeterai dengan syarikat keselamatan adalah didasarkan pada bayaran gaji pokok sebanyak RM900 untuk tempoh kerja selama 8 jam. Tindakan kontraktor ini membayar gaji pokok sebanyak RM 630 langsung tidak munasabah. Tetapi tindakan ini menunjukkan dengan jelas ketamakan sebahagian daripada para kontraktor yang memberi perkhidmatan pembersihan sekolah dan perkhidmatan keselamatan.

Dato Speaker, wujudnya lebih daripada 11,000 buah sekolah di negara kita. Jumlah pekerja kontrak cleaner dan pegawai keselamatan adalah lebih kurang 150,000 orang. Mereka semua adalah daripada lapisan B40 dan sebahagian besar daripada mereka adalah Bumiputra. Ada ramai antara pekerja kontrak di sekolah-sekolah kita yang menghadapi masalah seperti saya telah huraikan sebelum ini.

Sistem kontrak untuk perkhidmatan di sekolah dan di hospital diwujudkan oleh kerajaan untuk memberi peluang perniagaan untuk lapisan kontraktor di kalangan Bumiputra. Kerajaan kita berhasrat membangunakan satu lapisan usahawan di kalangan Bumiputra. Tetapi polisi ini menjelaskan kebajikan lebih daripada 150,000 pekerja di sekolah-sekolah kita.

Jadi, bila timbulnya percanggahan antara polisi memupuk usahawan Melayu dan polisi meningkatkan taraf ekonomi B40 yang majoritinya daripada kaum Melayu juga, golongan mana yang diberi keutamaan

oleh kerajaan BN? Lapisan kontraktor atau lapisan pekerja kontrak? Golongan mana yang lebih disayangi oleh kerajaan Malaysia?

Sistem kontrak jika dilaksanakan secara yang bertanggungjawab pun merugikan pekerja biasa

- Kerana bila kakitangan kerajaan dijadikan pekerja kontrak, mereka kehilangan jaminan pekerjaan. Tiap 3 tahun pekerja kontrak menghadapi masalah hilang kerja jika syarikat mereka tidak dapat meneruskan kontrak dan kontraktor baru tidak mahu mengambil mereka sebagai pekerja.
- Tiada kenaikan gaji tahunan seperti dinikmati oleh kakitangan kerajaan.
- Tiada pinjaman perumahan dengan faedah bunga yang rendah.
- Tiada akses kepada rawatan percuma di IJN jikalau mereka mengidap sakit jantung.
- Tiada kemudahan pencen.

Jika dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab tanpa sebarang penipuan oleh pihak kontraktor pun, sistem kontrak ini amat merugikan pekerja biasa.

Tetapi di Malaysia kesan buruk sistem kontrak ini dilipatgandakan oleh tabiat menipu oleh para kontraktor dan keengganan pihak kerajaan untuk mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang kurang bertanggungjawab.

Dato Speaker, yang baik sekali adalah untuk memansuhkan sistem kontrak dan menjadikan semua pekerja kontrak di sekolah dan hospital, kakitangan kerajaan semula. Adanya lebih daripada 150,000 pekerja kontrak di sekolah-sekolah di Malaysia dan sejumlah yang

sama besar yang bertugas sebagai pekerja kontrak di hospital-hospital kerajaan. Dan bila kita campur semua pekerja kontrak di kementerian lain dan juga di peringkat kerajaan negeri dan majlis tempatan jumlahnya adalah lebih kurang 500,000 pekerja kontrak di jabatan-jabatan kerajaan. Mereka semua dalam lapisan B40.

Jika lapisan ini dijadikan kakitangan kerajaan kualiti hidup dan jaminan mereka akan meningkat. Baru ini akan memberi makna pada perkataan “inklusif”.

Saya ingin mengesyorkan penubuhan satu Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji situasi ini dan membuat cadangan bagaimana pemansuhan sistem kontrak harus dilaksanakan.

Saya faham pemansuhan sistem kontrak akan ambil masa sedikit. Sambil kita menunggu pemansuhan sistem kontrak, kementerian-kementerian kita harus ambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang menipu pekerja mereka. Kementerian pendidikan dan kesihatan harus memantau kontraktor mereka secara yang rapi. Dan jika ada unsur-unsur penipuan dalam bayaran gaji, bayaran KWSP dan kiraan OT (kerja lebih masa), kontrak itu harus ditarik balik dengan serta-merta dan pekerja terlibat dibayar terus oleh kerajaan. Dan kontraktor yang menipu harus disenaraihitamkan dan tidak dibenarkan pohon kontrak kontrak baru dengan menggunakan syarikat baru.

Jika kerajaan tidak ambil pendirian yang tegas dan berprinsip terhadap isu penipuan dan pemangsaan pekerja kontrak di jabatan-jabatan kerajaan semua hujah-hujah kerajaan terhadap mewujudkan masyarakat yang inklusif adalah hanya kata-kata kosong.

Terima kasih.

Pindaan Akta Perkeso

30/3/2016

Terima kasih Dato Speaker memberi saya kesempatan mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Pindaan terhadap Perkeso. Adanya dua perkara dalam Pindaan yang dibawa yang adalah baik untuk pekerja dan saya sokong dengan sepenuhnya.

Antara perkara saya setuju adalah pindaan untuk memansuhkan siling gaji untuk menjadi ahli Pekeso. Pada takat ini, hanya pekerja dengan gaji di bawah RM 3000 boleh menjadi ahli Perkeso. Pindaan baru ini memansuhkan sekatan ini dan sesiapa pekerja boleh menjadi pencarum kepada Perkeso. Ini akan memperluaskan perlindungan pada para pekerja dan saya mengalu-alukan pindaan ini.

Satu lagi Pindaan yang saya menerima baik adalah seksyen 1A yang berbunyi *“Pertubuhan boleh mentadbir apa-apa rancangan keselamatan sosial yang lain jika diberikan kepada Pertubuhan oleh mana-mana undang-undang bertulis.”* Saya harap Menteri boleh menjelaskan apakah skim keselamatan baru yang sedang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan untuk diuruskan oleh Perkeso.

Saya ingin mengesyorkan skim pampasan untuk pemberhentian kerja - Retrenchment Fund. Mengikut statistik kerajaan, tiap tahun antara 30,000 hingga 50,000 pekerja kehilangan kerja. Mereka dilindungi oleh Akta Kerja ataupun Employment Act di mana seorang pekerja yang hilang kerja harus dibayar pampasan 20 hari gaji untuk setiap tahun dia bekerja jika beliau telah berkhidmat di syarikat itu untuk 5 tahun ke atas. Jika tempoh perkhidmatan di bawah 2 tahun, hanya 10 hari gaji setahun.

Maka memang perlindungan ada. Tetapi malangnya satu perempat daripada pekerja yang kehilangan kerja tidak dapat pampasan ini kerana majikan mereka mengatakan mereka muflis dan tidak dapat bayar pampasan yang wajib dibayar. Mewujudkan satu sistem

pembayaran untuk beri perlindungan kepada pekerja yang dibuang kerja oleh syarikat yang muflis adalah satu langkah dalam arah yang baik. Dan saya sokong cadangan ini.

Jadi saya sokong dengan penuh kedua-dua pindaan ini. Adalah baik untuk kaum pekerja. Saya ingin tanya Menteri - adakah Perkeso sedang melakukan kajian aktuarial dari masa ke semasa untuk memastikan dana Perkeso boleh tahan lama? Kerana life expectancy (jangka hayat) rakyat kita sedang menambah dan oleh itu ahli yang menerima pencen ilat akan hidup lebih lama – adakah ini diambil kira oleh Perkeso? Dan kita juga sudah meningkatkan ambang umur untuk pohon ilat dari umur 55 tahun ke 60 tahun. Bolehkah Perkeso melakukan satu kajian aktuarial dan membentangkan laporan itu di Parlimen?

Sekarang saya ingin mengalih ke sebuah pindaan yang saya tidak faham rasionalnya. Pindaan seksyen 71 dan 74A yang dibawa. Apakah sebabnya? 74A memberi hak untuk "*menubuhkan syarikat untuk menjalankan, mentadbir, menguruskan apa-apa projek, usaha sama, program penswastaan*" Apakah keperluan pindaan ini? Seksyen 71 yang wujud sekarang membolehkan Perkeso mendirikan hospital, klinik dan pusat fisioterapi untuk rawatan ahli-ahli Perkeso. Jadi bolehkah Menteri menerangkan apakah syarikat baru yang Perkeso ingin tubuhkan dengan kuasa baru yang diberi oleh pindaan baru.

Saya khuatir fokus Perkeso akan terpesong jika Perkeso mula membuka syarikat-syarikat yang tidak kena-mengena dengan keperluan rawatan ahlinya – usaha Perkeso di diluted.

Perkeso sekarang ada dana sebesar RM 25 bilion. Bukan sebesar dana KWSP tetapi besar juga. Kami khuatir penyelewengan mungkin berlaku jika Perkeso diberi ruang untuk tubuhkan syarikat di merata sektor.

Satu lagi Pindaan yang saya tidak dapat terima adalah Pindaan terhadap Seksyen 75(A). Seksyen ini menyatakan ahli-ahli

untuk Lembaga Pelaburan Perkeso. Pada takat ini, antara 10 orang yang dikenalpasti sebagai ahli lembaga ini, seorang adalah wakil Bank Negara. Pindaan yang dibawa hari ini berhasrat menggugurkan wakil Bank Negara. Apakah rasional ini?

Tuan Speaker, saya rasa kita harus cuba memperkasakan lagi Lembaga Pelaburan supaya mekanisme semak dan imbang diperkuuhkan. Mengapa gugurkan wakil Bank Negara? Lebih baik kita sertakan dua orang wakil MTUC sebagai ahli Lembaga Pelaburan. Bolehkah ini dipertimbangkan oleh Menteri?

Akhirnya saya ingin membawa kes individu. En Papakrishnan a/l Muttian yang lahir pada tahun 1956 telah pohon Pencen Ilat pada tahun 2014 apabila beliau berumur 58 tahun dan beliau diluluskan oleh Jemaah Doktor Perkeso. Beliau telah mencarum kepada Perkeso untuk 26 bulan dalam tempoh 40 bulan sebelum tarikh permohonannya. Mengikut Seksyen 17 (2) seorang pekerja mesti ada sekurang-kurangnya 24 caruman bulanan dalam tempoh 40 bulan sebelum tarikh permohonan. Tetapi permohonan Papakrishnan ditolak kerana 9 caruman yang dilakukannya dalam tahun 2011 dan 2012 adalah selepas beliau mencapai umur 55 tahun, adalah hanya untuk skim kemalangan dan bukan untuk skim pencen ilat. Oleh itu Perkeso telah memutuskan bahawa carumannya tidak mencukupi untuk diberi pencen ilat.

Bolehkah Menteri meneliti kes ini? Ini bukan kesalahan Papakrishnan. Ia juga bukan kesalahan Perkeso. Kerana pada takat itu kita belum memindahkan ambang umur untuk memohon ilat dari 55 tahun ke 60 tahun. Itu kita hanya lakukan pada tahun 2014. Jadi Papakrishnan tersangkut kerana perkara teknikal. Saya harap Menteri boleh bantu selesaikan kes ini.

Terima kasih Dato Speaker.

Pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969

Seperti bagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 55 (3) dan 57(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat saya ingin mengemukakan dua pindaan tambahan pada DR 36/2014. Pindaan yang saya ingin bentangkan adalah untuk seperti berikut -

Pindaan subseksyen 75A (2)

7 (b). Perenggan (b) di Akta Pindaan D.R. 36/2016 digugurkan dan perenggan (e) di Akta ibu dikekalkan.

7 (g) Perenggan baru disertakan pada 75A (2) dengan perkataan “2 orang wakil Kesatuan Pekerja yang dipilih oleh Menteri Sumber Manusia daripada senarai 5 orang yang disyorkan oleh pihak MTUC”.

Huraian

Pindaan ini bertujuan memperkasakan Panel Pelaburan yang diperuntukkan di bawah seksyen 75(A) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 supaya mekanisme semak dan imbang dapat diperkuuhkan.

Implikasi Kewangan

Pindaan ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

Terjemahan dalam Bahasa Inggeris adalah disertakan sebagai lampiran pada surat ini.

Terima kasih

Akta Syarikat 2015

4/4/2016

Terima kasih Dato Speaker memberi saya peluang menyertai perbahasan terhadap Rang Undang-Undang Syarikat 2015. Saya faham hasrat Kerajaan dalam ingin meningkatkan undang-undang kita supaya selaras dengan “best practices” (amalan terbaik) yang diamalkan di negara-negara lain. Syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Tiga jilid yang tebal. Memang satu usaha yang besar.

Tetapi pada saya, adanya satu kelemahan yang besar dalam Akta Syarikat 2015 ini – Kepentingan pekerja tidak diambil kira. Saya telah membangkitkan perkara kehilangan pekerjaan beberapa kali di Dewan ini. Tiap tahun lebih kurang 40,000 pekerja kehilangan kerja di negara kita dan antara mereka hampir 30% tidak dapat pampasan seperti diperuntukkan dalam undang-undang buruh kerana majikan mereka muflis. Ikut undang-undang buruh Malaysia, seorang pekerja harus dibayar pampasan sebanyak 20 hari gaji untuk setiap tahun perkhidmatan. Tetapi jika syarikat dalam proses pembubaran semua dana syarikat dibekukan.

Dalam sistem sekarang, pemutang bercagar dibayar dahulu. Selepas itu liquidator (penyelesai hutang- piutang), peguam dan auditornya semua dibayar fi mereka. Dalam banyak kes, bila sampai ke takat itu tiada baki untuk bayar pada pekerja. Ini bukan sahaja menyusahkan pekerja Tuan Speaker. Ia juga menjadikan kegawatan ekonomi lebih serius. Aggregate demand ataupun permintaan kasar ekonomi akan mengecut lebih banyak dan merunsingkan lagi kegawatan.

Tetapi ada caranya untuk mengatasi masalah ini. Kita boleh mewajibkan syarikat menyimpan sebahagian daripada modalnya di bawah satu syarikat khas yang berasingan. Umpamanya, tanah atau bangunan syarikat boleh dipegang di bawah syarikat khas itu. Aset ini tidak dibekukan jika berlaku kemuflian ibu syarikat dan boleh dicairkan untuk membayar gaji dan pampasan kepada para pekerja, dan bakinya jika ada, boleh dipulangkan kepada penyelesaian hutang-piutang untuk diagihkan kepada pemutang tidak bercagar yang lain. Kaedah ini disyorkan kerana kami tidak mahu mengikat modal syarikat dengan mewajibkan mereka simpan satu dana khas untuk melindungi pekerja.

Kita juga harus menggunakan kaedah yang ditemui dalam Akta KWSP di mana jika sebuah syarikat tidak dapat membayar caruman KWSP untuk pekerjanya, pengarah-pengarah syarikat itu bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran kepada KWSP.

Kenapa peruntukan-peruntukan seperti ini tidak disertakan dalam Akta Syarikat? Kepentingan pemegang saham diutamakan. Itu ok. Tetapi bagaimana pula dengan pekerja syarikat? Usaha dan pengorbanan mereka yang menjana keuntungan syarikat. Tetapi Akta Syarikat ini tidak ambil kira kepentingan mereka.

Saya ingin megesyorkan Akta ini dirujuk kepada satu jawatankuasa pilihan supaya idea-idea untuk mewujudkan perlindungan yang lebih baik untuk para pekerja dapat disertakan. Kita sedang merombak Akta ini. Marilah lakukannya dengan cara yang elok.

Terima kasih Tuan Speaker.

Pindaan Rang Undang-Undang Syarikat 2015

3/4/2016

Seperti bagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 55 (3) dan 57(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat saya ingin mengemukakan

pindaan tambahan pada DR 30/2015. Pindaan yang saya ingin bentangkan adalah untuk seperti berikut -

Pindaan Seksyen 213

Sub-section baru 213 (1) (A) disertakan selepas Subsection 213 (1) dengan perkataan seperti berikut -

Subsection (1) (A)

Pengarah syarikat hendaklah mengambil langkah-langkah yang berpatutan untuk memastikan kepentingan pekerja syarikat adalah dijamin.

- (a) Selain daripada memastikan syarikat mencarum ke KWSP dan Perkeso untuk semua pekerja, pengarah-pengarah syarikat harus memastikan kepentingan pekerja terjamin jika berlakunya pemberhentian pekerja oleh kerana kemuflisan syarikat.
- (b) Pengarah syarikat harus memastikan sebahagian daripada modal syarikat dipegang di bawah syarikat khas supaya dapat dicairkan dan diguna untuk membayar gaji dan pampasan para pekerja jika berlakunya kemuflisan.
- (c) Jika apa-apa pampasan kepada para pekerja yang diputuskan dalam Mahkamah Buruh ataupun Mahkamah Perusahaan tidak dibayar oleh sesuatu syarikat atau sesuatu firma dengan alasan ketiadaan dana yang mencukupi maka, pengarah-pengarah syarikat itu adalah bersama-sama dan berasingan bertanggungjawab membayar pampasan itu kepada para pekerja.

Huraian

Pindaan ini bertujuan memperkasakan perlindungan para pekerja di Malaysia jika berlakunya pemberhentian kerja.

Implikasi Kewangan

Pindaan ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

Akta Kanak-Kanak 2001

6/4/2016

Terima kasih Dato Speaker memberi saya peluang berbahas Pindaan Akta Kanak-Kanak. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Hasrat kementerian menambahkan perlindungan untuk kanak-kanak adalah baik dan saya sokong.

Tetapi saya rasa isu pokok bukan ketiadaan kesedaran di kalangan masyarakat terhadap hak dan maruah kanak-kanak seperti dikatakan di seksyen 3 (2) (b) Akta ini. Kebanyakan kes penderaan kanak-kanak dan banyak kes delinquency di kalangan kanak-kanak berlaku di keluarga dari golongan B40. Isu pokok adalah tekanan sosio-ekonomi.

Dato Speaker, saya telah menyaksikan masalah-masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal di kawasan saya. Ada antara mereka ada yang suami telah dipenjarakan ataupun dihantar ke Pusat Serenti kerana penagihan dadah. Ibu-ibu tunggal ini hadapi masalah kewangan. Jika dapat bantuan kebajikan pun, maksima yang diberi adalah RM 450 sebulan sahaja. Mana ini mencukupi untuk menjaga 2 atau 3 orang anak?

Oleh itu ibu tunggal terpaksa keluar kerja. Kerja pun tak dapat gaji yang baik. Oleh kerana kehadiran ramai orang pekerja asing tanpa izin, gaji yang diperolehi adalah lebih kurang RM 600 sebulan dan

bukan RM 900. Masalah besar yang dihadapi oleh ibu-ibu tunggal ialah jagaan kanak-kanak mereka semasa keluar kerja. Anak yang bersekolah pun balik ke rumah kosong kerana ibu masih kerja. Tiada kawalan untuk mereka. Bila ibu balik pun dia sibuk dengan kerja dapur, kerja membasuh pakaian. Langsung tiada masa untuk memberi nilai yang positif untuk kanak-kanaknya.

Saya nampak dalam seksyen 7A Pindaan ini, idea menubuhkan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak untuk melawat keluarga-keluarga yang berisiko tinggi. Tetapi intervensi ini tidak boleh setakat memberi nasihat sahaja. Keluarga-keluarga ibu tunggal memerlukan bantuan yang lebih konkret. Mereka memerlukan penginapan. Mereka memerlukan jagaan kanak-kanak mereka semasa mereka keluar untuk kerja. Bolehkah kerajaan membeli sebahagian daripada rumah-rumah kos rendah di beberapa taman untuk disewa kepada ibu tunggal dengan harga yang rendah sekali? Bolehkah kerajaan memberi baucar kepada keluarga ini untuk memperolehi perkhidmatan jagaan kanak-kanak supaya ibu tunggal itu boleh keluar kerja?

Kita mesti menambahkan bajet Kementerian Pembangunan Wanita supaya bantuan lebih konkret boleh dihulurkan.

Dan kita juga harus menyedari bukan sahaja keluarga ibu tunggal yang berisiko tinggi. Adanya beberapa puluhan ribu keluarga miskin yang walaupun suami ada, tetapi ia tidak memainkan peranan yang positif di keluarga kerana kaki botol atau penagih. Di keluarga seperti ini, sekali lagi ibu yang terpaksa menanggung beban menjaga kanak-kanak dan keluarga.

Satu poin lagi yang saya ingin kemukakan ialah berkaitan tempat-tempat tahanan untuk kanak-kanak. Saya ada keraguan Tuan Speaker. Saya telah berpeluang berjumpa dengan 3 orang pemuda yang pernah dihantar ke pusat tahanan. Laporan mereka adalah mengerikan. Mereka adu ada warden yang pukul dan mendera mereka. Keadaan di tempat tahanan itu kotor – ketiga-tiga mereka pun mengidap penyakit kulit.

Saya tidak yakin pusat-pusat ini akan membantu kanak-kanak yang dihantar ke situ. Ada kemungkinan besar mereka jadi lebih keras lagi. Jauh lebih baik jika kita boleh mengendalikan kes-kes kanak-kanak yang delinquent (nakal) di luar dan elak sejauh boleh penghantaran mereka ke tempat-tempat tahanan.

Saya juga ingin memohon kepada Menteri untuk menjalani suatu siasatan terhadap tempat-tempat tahanan kanak-kanak yang sedia ada untuk mengenalpasti prestasi mereka.

Terima kasih.

Pindaan Terhadap Kanun Tanah Negara

24/5/2016

Terima kasih Dato Sri Speaker

Seperti dijelaskan oleh Menteri Sumber Asli tadi, isu tanah adalah dibawah kawalan negeri-negeri. Peranan kita di peringkat Dewan Rakyat adalah hanya untuk menyeragamkan undang-undang tanah selepas mendapat persetujuan Jemaah Tanah Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil kerajaan-kerajaan negeri.

Itulah sebabnya saya kecewa dengan Pindaan yang dikemukakan hari ini. Kerana kerajaan tidak ambil kesempatan emas ini untuk menangani satu masalah besar yang dihadapi oleh berpuluhan-puluhan ribu petani dan penternak kecil yang sedang berusaha atas tanah kerajaan. Ramai daripada mereka telah menggunakan tanah kerajaan untuk lebih daripada 30 tahun. Ada juga kes di mana mereka merupakan generasi ke-3 yang menggunakan tanah itu. Ramai antara mereka pernah pohon geran ataupun lesen daripada Pejabat Tanah tempatan tetapi tidak berjaya.

Biar saya kongsi pengalaman satu kumpulan pekebun kecil di Sg Siput. Ada 10 orang petani kecil di kawasan Padang Tembak di Sg Siput. Mereka menggunakan sebidang tanah kerajaan sebesar 24 ekar. 3 orang antara mereka adalah penternak lembu, 6 orang adalah pekebun dan ada seorang penternak ikan. Dengan tiba-tiba mereka diberi Notis Pejabat Tanah Sg Siput di bawah Seksyen 425 untuk mengosongkan kebun mereka dalam jangka masa 2 minggu. Kerajaan bercadang membina sebuah sekolah di kawasan itu. Walaupun sudah tentu kerajaan sudah merancang projek sekolah untuk lebih daripada 2 tahun, petani kecil di Padang Tembak tidak diberitahu berkaitan projek ini sehingga notis pengusiran dikeluarkan. Jika mereka diberitahu lebih awal lagi, mereka sempat mengurangkan pelaburan mereka dalam tanah itu dan mengelak daripada menanam tanaman yang baru.

Saya telah cuba membantu mereka dengan membawa mereka ke Pejabat Tanah untuk meminta jangka masa yang lebih panjang untuk berpindah dan untuk kerjasama Pejabat Tanah dalam mencari tanah gantian untuk mereka meneruskan kegiatan pertanian dan penternakan. Tetapi kami tidak dilayani, dan terpaksa ke Mahkamah untuk dapatkan “stay” (penggantungan) terhadap Notis Pengusiran itu. Tetapi akhirnya mereka diusir juga, dan sampai sekarang mereka tidak dapat cari tanah gantian untuk meneruskan kegiatan pertanian.

Inilah masalahnya, tiada sebarang perlindungan bagi petani kecil atas tanah kerajaan di bawah undang-undang kita.

Bukan sahaja petani dan penternak kecil yang terjejas dalam situasi yang berada sekarang, jaminan makanan untuk rakyat kita juga terjejas. Food security (keselamatan makanan) negara diancam. Pada takat ini, tahap sara diri kita untuk sayur-sayuran adalah hanya 60% dan tahap sara diri untuk daging kambing kurang daripada 10% dan

tahap sara diri untuk susu lembu adalah kurang daripada 10% juga. Jadi ada keperluan untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan. Tetapi pembekal makanan ini diancam oleh pembangunan.

Tuan Speaker, pada masa ini lebih daripada 70% daripada sayur-sayuran yang dijual di pasar-pasar kita adalah daripada petani kecil di atas tanah kerajaan. Petani kecil ini sedang diancam oleh pembangunan. Bukan sahaja di Padang Tembak, Sg Siput tetapi di seluruh Malaysia. Di Perak pada takat ini ada 24 kawasan pertanian yang diancam oleh pembangunan. Jika petani kecil ini diusir keluar tanpa tanah gantian, kita akan kehilangan pengalaman mereka. Mereka memang berpengalaman memulih balik kawasan-kawasan bekas lombong untuk menjadikan ia subur hingga boleh keluarkan sayur-sayuran.

Satu lagi sumbangan kaum petani kecil adalah mereka merupakan penjana ekonomi di banyak bandar kecil di seluruh negara. Kegiatan mereka membawa kemasukan duit ke ekonomi tempatan dan membuka ruang bisnes untuk ramai lagi peniaga kecil. Jika golongan ini dihalau keluar daripada tanah mereka, ekonomi tempatan akan dijadikan miskin dan kitaran wang di ekonomi tempatan akan berkurangan.

Dalam Pindaan yang dibentang hari ini, Seksyen 214A disebut. Seksyen ini merupakan sebuah pindaan yang dibawa oleh kerajaan pada tahun 1968 untuk mewujudkan perlindungan yang lebih baik untuk pekerja estet. Kerana pada masa itu banyak estet dijual dan dipecahkan. Pekerja estet terlibat kehilangan kerja dan juga tempat tinggal. 214A mewujudkan sebuah lembaga – Estate Land Board, Lembaga Tanah Estet – yang diberi tanggungjawab memastikan kepentingan pekerja estet dari segi perumahan, kuil dan sekolah mereka, dipelihara apabila estet itu dijual. Izin Lembaga Tanah Estet

adalah perlu untuk meneruskan dengan jualan dan pemecahan estet itu.

Bolehkah kita wujudkan satu seksyen baru 214B yang boleh memainkan peranan yang sama untuk petani kecil di atas tanah kerajaan. 214B harus mewujudkan Lembaga Pertanian Negeri yang ditugaskan memastikan kepentingan petani kecil dan juga jaminan makanan negara dijaga apabila tanah kerajaan diluluskan untuk projek pembangunan. Kewujudan Lembaga seperti ini akan mendorong kerajaan negeri mengambil berat terhadap situasi petani kecil dan menyediakan tanah untuk tujuan pembekalan makanan.

Saya ingin tanya Menteri, mengapakah masalah petani kecil tidak ditangani dalam pindaan ini? Adakah kerajaan tidak sedar terhadap kewujudan berpuluhan ribu pekebun dan penternak kecil di atas tanah kerajaan? Adakah kerajaan tidak tahu petani kecil ini sedang memainkan peranan besar dalam membekalkan makanan untuk negara kita?

Saya sedar kita tidak boleh menyertakan satu seksyen baru ke dalam pindaan yang dikemukakan pada takat ini. Kerana tanah adalah dibawah bidang kuasa negeri, dan syor 214B mestilah dibawa ke Jemaah Tanah Negara, dan ke kerajaan-kerajaan negeri untuk dapat persetujuan negeri-negeri sebelum dikemukakan ke Dewan ini.

Saya harap pihak Menteri Sumber Asli akan mengkaji syor 214B ini dan mengaturkan langkah-langkah untuk memajukannya.

Terima kasih.

22hb September 2016

Yang Berbahagia Datuk Roosme binte Hamzah
Setiausaha Dewan Rakyat, Malaysia.

**Per: Pemberitahu Usul Mencadangkan Jawatankuasa Khas
Terhadap RUU 355**

Seperti di peruntukkan di bawah seksyen 26 and 27 Peraturan-Peraturan Dewan Rakyat Malaysia saya ingin mengusulkan kepada Dewan Rakyat seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum terhadap dua perkara yang bertentangan iaitu

1. Adalah aspirasi sebahagian signifikan rakyat beragama Islam untuk memperkembangkan dan memperkasakan Sistem Syariah di Negara kita.

dan

2. Bahawa pembentangan Pindaan terhadap Akta 355 di Dewan Rakyat pada 26/5/2016 untuk memperkembangkan kuasa Sistem Syariah di Malaysia telah menyebabkan kekeliruan dan beberapa reaksi negatif daripada

- Kalangan rakyat bukan Islam yang bimbang perkembangan skop dan kuasa Undang-Undang Syariah akan mengancam hak mereka dan menyusahkan mereka;
- Sebahagian daripada kalangan rakyat beragama Islam yang risau bahawa Pindaan ini akan mendedahkan mereka kepada tindakan keras daripada Jabatan Pentadbiran Agama;
- Mereka yang berpendapat bahawa Pindaan ini melanggar roh Perlembagaan Persekutuan.

Oleh kerana usaha untuk membina konsensi dalam masyarakat majmuk terhadap isu-isu pokok adalah amat penting dalam perjuangan kita untuk mewujudkan satu masyarakat yang harmoni, Dewan ini mengesyorkan penubuhan satu Jawatankuasa Khas Parlimen untuk memperbincangkan perkara ini secara lebih dalam serta mendengar kebimbangan dan kerisauan masyarakat madani sebelum meneruskan dengan pengundian terhadap Bil Persendirian yang dibawa oleh YB Marang pada 26/5/2016.”

Terima kasih. Yang benar,

Jeyakumar Devaraj

PERBAHASAN BAJET 2017

27/10/2016

Terima kasih Yang Di Pertua Majlis atas peluang ini untuk berbahas Bajet 2017.

Pada amnya, adanya beberapa perkara dalam bajet ini yang saya sokong, terutamanya pendekatan bahawa kerajaan harus campur tangan dalam ekonomi negara untuk memastikan golongan-golongan miskin dan terpinggir tidak ketinggalan. Ini amat berbeza daripada puak neoliberal yang hujah bahawa penglibatan kerajaan dalam ekonomi harus dikurangkan dan pasaran diberi ruang untuk mengimbangkan diri. Isu-isu berkaitan kebijakan B40 (bottom 40% ataupun lapisan 40% termiskin dalam masyarakat) tidak boleh dilepaskan kepada pasaran kerana sistem pasaran yang sedia ada bukan bebas tetapi dikawal oleh oligopoli dan monopolii. Pasaran zaman ini berpihak pada golongan yang kaya dan akan terus meminggirkan rakyat B40.

Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa peruntukan untuk membantu golongan B40 di dalam dan di luar bandar dalam Bajet 2017 umpamanya

- RM 1.2 bilion untuk menaiktaraf 616 km jalan kampung dan jambatan
- RM 350 juta untuk membina dan membaik pulih 17 ribu rumah usang di luar bandar
- RM 300 juta untuk membaik pulih kemudahan di rumah-rumah pangsa
- RM 200 juta untuk membina 5000 rumah “My Beautiful New Home” dengan harga jualan Rm 40,000 ke bawah.

Tiada sesiapa pun yang membantah program-program yang disasarkan untuk membantu golongan-golongan dari B40. Tetapi

soalannya adalah, apakah jaminan peruntukan-peruntukan ini akan sampai ke sasaran? Umpamanya RM 1.2 bilion untuk naiktaraf jalan kampung dan jambatan kecil di luar bandar. Usaha menaiktaraf ini akan dilaksanakan melalui kontraktor swasta pilihan kerajaan. Adakah sebutharga yang diterima berpatutan? Berapakah mark-up (tokok harga) daripada kos sebenarnya? Tokok harga sebanyak 20% adalah adil, kerana kontraktor mesti dapat untung munasabah. Tetapi siapakah pihak yang memantau proses ini? Saya diberitahu kadangkala tokok harga adalah lebih daripada 100%. Ertinya bilangan kampung yang dapat manfaat daripada program ini dikurangkan 50% kerana peruntukan bajet akan habis digunakan jika sebutharga tinggi.

Siapakah pihak yang memantau samada kontraktor yang menang projek menaiktaraf jalan dan jambatan melaksanakan kerja itu sendiri ataupun beri subkontrak kepada seorang kontraktor kecil yang lain. Saya difahamkan bahawa kadang kala subkontrak ini pun dipecahkan lagi. Akhirnya kontraktor yang laksanakan projek hasilkan kerja yang bermutu rendah kerana dana yang diberi kepadanya terlalu kecil dan tidak mencukupi. Sebahagian besar daripada jumlah peruntukan dimakan oleh kontraktor utama dan subkontrak yang pertama.

Inilah kaedahnya rakyat miskin dibantu oleh kerajaan kita. Melalui kontraktor. Dan sering kali kontraktor yang kurang bertanggungjawab, yang mahu dapat untung besar, tidak memberi perkhidmatan berkualiti seperti diharapkan. Oleh itu program-program yang nampaknya amat munasabah dan pro-rakyat atas kertas, tidak sampai ke akar umbi kerana ketirisan.

Cara yang berkesan sekali untuk memastikan dana yang diperuntukkan untuk golongan B40 di kawasan desa sampai ke

sasaran adalah untuk memperkasakan jawatankuasa tempatan supaya mereka dapat memainkan peranan check and balance iaitu semak dan imbang. Jawatankuasa tempatan harus diberi maklumat berkaitan peruntukan yang diluluskan untuk kampung mereka – siapakah kontraktor, apakah sebutharga, apa spesifikasi yang dinyatakan dalam kontrak kerja - supaya mereka dapat memantau perlaksanaan projek itu. Jika j/kuasa kampung tahu semua info ini mereka boleh memastikan dana yang diperuntukkan untuk mereka membawa manfaat yang maksima untuk mereka.

Tetapi untuk memainkan peranan check and balance jawatankuasa kampung mesti bersifat bebas iaitu dipilih oleh rakyat tempatan dan bukan pemimpin politik tempatan ataupun pegawai daerah. Sering kali kontraktor-kontraktor yang dapatkan projek mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin politik tempatan dan pegawai daerah. Hanya bila jawatankuasa tempatan bebas dia boleh main peranan semak dan imbang. Pada tahun 2016, Kerajaan telah peruntukkan RM 321 juta sebagai elau JK3KKK. Ini harus diteruskan. Tetapi JK3KKK itu mesti bebas kerana dipilih oleh orang kampung sendiri.

Saya baru melawat ke kawasan sawah padi dekat Alor Setar. Beberapa orang pesawah di situ mengadu kepada saya bahawa baja yang mereka dibekalkan melalui Syarikat Persatuan Peladang tidak dapat diguna kerana tidak berkesan. Ramai pesawah simpan sahaja baja yang diberi percuma dan membeli baja yang lebih baik untuk diguna. Peruntukan subsidi baja padi tahun lalu adalah RM 400 juta, dikurangkan ke RM 300 juta untuk tahun depan. (Butiran 130500 dalam bajet). Bolehkah kaedah bantuan baja ini diubahsuai? Berilah baucar kepada semua pesawah mengikut saiz sawah mereka supaya mereka boleh membeli baja yang mereka memerlukan daripada kedai-kedai yang mereka pilih. Mengapa membiarkan peruntukan

subsidi baja padi terus menjadi durian runtuh syarikat swasta? RM 300 juta bukan satu amaun yang kecil!

Suatu lagi program yang perlaksanaannya harus dikaji semula adalah program tanaman semula getah, di mana pekebun getah kecil dibantu menanam pokok getah baru. Penanaman semula ini dilaksanakan oleh kontraktor. Di kawasan saya, ada pekebun getah yang mengadu bahawa selepas 6 tahun menjaga pokok getah baru, hasil getah daripada pokok baru adalah begitu rendah kerana kontraktor telah menggunakan klon getah yang tidak baik kerana ingin mengurangkan kos menanam semula.

Ada banyak kes seperti ini. Bantuan untuk B40 di luar bandar disumber luarkan kepada golongan kontraktor Bumiputra. Tetapi prestasi kontraktor tidak begitu baik. Perkara-perkara seperti ini harus disiasat dan cara-cara yang berkesan untuk memastikan perlaksanaan yang telus dan berkesan diperkenalkan.

Satu perkara yang tidak disebut dalam ucapan Perdana Menteri pada Jumaat lalu adalah hakikat bahawa beberapa program membantu golongan B40 telah dikurangkan peruntukannya dalam Bajet 2017. Umpamanya, subsidi baja untuk padi diturunkan daripada RM 400 juta dalam tahun 2016 ke RM 300 juta dalam bajet 2017. Elaun JK3K juga dikurangkan daripada RM 327 juta pada tahun 2016 ke RM 187 juta pada 2017. Jika ketirisan dapat dikawal, mungkin peruntukan yang berkurangan masih dapat membantu rakyat. Tetapi jika kerajaan terlalu manja kepada para kontraktor dan ketirisan berterusan, kebijakan B40 tentu akan terjejas.

Tuan Yang Di Pertua, saya terima bahawa kita perlu membina kapasiti usahawaan Bumiputra kecil dan sederhana. Kita tahu, sampai takat ini, penglibatan kaum Bumiputra dalam sektor Industri

Kecil dan Sederhana masih belum sampai ke takat yang memuaskan. Dan kita juga tahu bahawa ramai di golongan T20 (top 20%) adalah perniaga kecil dan sederhana. Jadi adalah wajar kerajaan ambil langkah proaktif untuk menggalak dan menyokong usahawan Bumiputra dan salah satu daripada kaedah yang diguna oleh kerajaan adalah untuk sumber luarkan projek-projek membantu rakyat B40 di luar bandar.

Tetapi kita mesti sedar bahawa ini kadang kala merupakan “zero sum” game (mainan campur-tolak) di mana jika usahawan Bumiputra diberi kelonggaran yang terlalu senang, B40 di masyarakat Bumiputra dinafikan bantuan yang dinyatakan dalam Belanjawan negara. Kita mesti kenakan syarat prestasi pada kontraktor dan mengamalkan satu sistem pemantauan yang berkesan supaya memastikan kaum B40 tidak diabaikan.

Selain daripada masalah ketirisan dan masalah pertindihan antara kepentingan kontraktor Bumiputra dan B40 yang tidak ditangani secara yang berkesan, adanya satu lagi kelemahan besar dalam bajet 2017 - ketiadaan kesedaran terhadap punca penyakit ekonomi makro yang sedang mengancam sistem ekonomi antarabangsa. Ekonomi global sedang menghadapi masalah kelembapan dalam permintaan kasar. Poor aggregate demand. Oleh kerana tiada permintaan, pengilang enggan memperkembangkan usaha mereka kerana khuatir tidak dapat menjual produknya. Benarkan saya baca tiga keratan akhbar –

The world economy outlook has dimmed over the last 6 months, exacerbated by China's slowdown and lower commodity prices Christine Lagard (IMF Director) said yesterday. (Starbiz 6/4/16)

Japan's exports tumbled in July at the fastest pace since the global financial crisis. . . . Japan's exports have now fallen for 10 consecutive months Exports in July fell due to lower shipment of cars to the US, ships to Central America and steel to Italy. Exports to China fell an annual 12.7% in July. (Starbiz 19/8/16)

Malaysia's July exports declined more than expected on a slump in electrical and electronic exports. (Starbiz 8/9/16)

Mengapakah permintaan kasar begitu lembab? GDP (KDNK) global sedang meningkat dari tahun ke tahun. Sekarang sudah sampai tahap USD 90 trillion. Tetapi orang ramai bo lui (tiada cukup wang).

Masalah pokoknya Tuan Speaker, adalah agihan pendapatan dunia kepada B40 dan juga M40 telah mengikut dalam 30 tahun yang lalu. Negara-negara barat telah mengalami penghijrahan keluar sektor industri ke negara-negara di dunia ketiga yang bergaji rendah. Pada satu masa dulu, negara Britain merupakan negara terkenal dalam pembinaan kapal. Sekarang tiada kapal dibina di Britain. Industri itu telah berpindah ke Korea Selatan dan China. China sudah jadi kilang dunia. Penghijrahan keluar industri besar daripada Eropah dan Amerika Syarikat tela menekankan gaji purata B40 dan M40 negara itu ke bawah.

Gaji di negara-negara di Asia dan Afrika pun terus di paras yang rendah kerana kita dipecah dan kuasai oleh syarikat-syarikat antarabangsa gergasi (Multi-national Corporations ataupun MNCs.) Jika sebuah MNC tidak dapat terma yang dia mahu di Malaysia, dia pindah ke Thailand. Jika Thailand meletak syarat yang tidak disenangi oleh MNC dia ugut nak pindah ke Vietnam. Dengan cara itu, perangai MNC telah mengkekalkan gaji pekerja Dunia Ketiga di paras yang amat rendah.

Jika gaji rendah mana keupayaan membeli banyak? Boleh buat atas pinjaman. Tetapi ke tahap mana - kadar hutang isi rumah di Malaysia telah capai 89% daripada KDNK negara pada takat ini.

Pada masa yang sama MNC-MNC telah menggunakan kesempatan gaji rendah di negara sedang membangun untuk mencapai untung yang lumayan. Saya ingin berkongsi kes i-pon (*iphone*) yang dibuat di negara China sebagai contoh fenomena ini.

Harga komponen-komponen telefon yang diimport ke China	USD 120
---	---------

Harga i-phone keluaran kilang negara China	USD 200
--	---------

Harga jualan kpd pelanggan di Amerika Syarikat	USD 500
--	---------

Pembuatan iphone di China dikontrakkan kepada usahawan China yang mengambil peranan menindas pekerja China dengan gaji rendah, rejim overtime (kerja lebih masa) yang panjang dan suasana kerja yang sesak dan kotor. Tetapi syer kekayaan yang diperolehi oleh masyarakat China hanya USD 80 sahaja untuk tiap iphone yang dibuat dan syer pekerja kilang China hanya USD 6.50. Pihak majikan China dapat USD 73.50. Tetapi MNC memperolehi USD 300 daripada pembuatan dan penjualan satu iphone. China dapat USD 80. MNC perolehi USD 300, tetapi buat kerja sedikit sahaja – mengangkut iphone ke Amerika Syarikat dan meletaknya di kedai untuk dijual.

Saya telah mengambil sedikit masa untuk menceritakan semua ini kerana saya mahu menjelaskan bagaimana imperialisme sedang berfungsi pada Abad ke-21. Bukan lagi datang ke negara ketiga dengan kapal perang dan terus mengeksplotasi pekerja di sini.

Sekarang eksploitasi telah disumber luarkan. Bagi usahawan China dan usahawan Malaysia melakukan eksploitasi terhadap pekerja mereka. Oleh kerana MNC-MNC kawal teknologi, ada nama jenama yang terkenal dan menguasai pasaran retail (*runcit*) di negara maju, dia dapat memperolehi sebahagian besar daripada kekayaan yang dijana oleh pekerja di negara-negara dunia ketiga.

Bukan sahaja itu, syarikat MNC pun pandai mengelak daripada membayar cukai di negara asalnya. Jika kita ambil kes seperti iphone tadi, keuntungan sebanyak USD 300 oleh MNC yang bertapak di Amerika Syarikat (A) disembunyikan oleh syarikat itu dengan wujudkan satu syarikat (B) di negara di mana kadar cukai rendah seperti Caymens ataupun Bahamas atau Virgin Islands. Barang yang dibuat di China di "beli" oleh syarikat (B) dengan harga USD 200 dan dijual balik ke syarikat (A) dengan harga USD 450. Ertinya, untung sebanyak USD 250 disembunyikan di Caymans. Cukai hanya dibayar oleh Syarikat (A) di Amerika Syarikat atas USD 50 sahaja. Untung sebanyak USD 250 tidak dicukai dan masuk ke dana MNC.

Inilah sebabnya 1% yang terkaya di dunia semakin kaya. Izinkan saya membaca petikan daripada Laporan Oxfam:

The richest 1% of the world's population now own more than the rest of us combined, aid group OXFAM announced. . . Runaway inequality has created a world where 62 of the richest own as much wealth as 50% of the world population – a figure that has fallen from 388 just 5 years ago. . . . One of the key trends behind rising inequality is the falling share of national income going to workers in all developed and developing countries.

Kerajaan kita sering berkata Malaysia sangkut dalam “Middle Income Trap”. Dan inilah sebabnya – ekonomi dunia dikuasai oleh segelintir syarikat antarabangsa gergasi (MNC).

Sistem ekonomi yang diwujudkan dibawah pengaruh syarikat MNC dan pemikiran neoliberal telah menggubalkan satu situasi di mana kekayaan yang dijana di Asia dan Afrika diperolehi oleh syarikat-syarikat gergasi yang kuasai sistem perdagangan antarabangsa.

Inilah sebab utama “Middle Income Trap” – eksplorasi imperialisme. Bukan produktiviti pekerja kita yang rendah.

Malangnya kerajaan kita langsung tidak nampak hakikat ini. Hanya jika kita sedar akan punca masalah yang benar kita sanggup aturkan strategi untuk mengatasinya. Tetapi nampaknya kerajaan kita masih kabur terhadap sebab-sebab “Middle Income Trap”. Jadi mana dapat mengatasinya? Itulah sebabnya kerajaan kita begitu berminat menandatangani Perjanjian Ekonomi seperti TPPA dan RCEP yang akan memperkasakan lagi kuasa dan pengaruh MNC dalam ekonomi dunia.

Tuan Speaker, walaupun atas kertas, Bajet 2017 ini menyenaraikan peruntukan-peruntukan untuk menangani masalah beberapa golongan miskin,

- Langsung tiada strategi untuk mengawal ketirisan dalam perlaksanaan projek-projek kebajikan dan bantuan bagi B40.
- Tiada garis panduan untuk mengenalpasti dan menangani pertindihan antara hasrat kerajaan memperkasakan golongan PKS Bumiputra dan kepentingan rakyat pendapatan rendah B40.

- Dan tiada kesedaran terhadap struktur dan corak ekonomi antarabangsa yang sedang menindas rakyat dunia ketiga.

Bajet ini tidak akan melindungi B40 dan M40 kita daripada tekanan ekonomi dalam tahun yang akan datang. Saya tidak dapat menyokong Bajet ini.

Pengisytiharan Bukan Islam, Permintaan Kasar yang Lembab dan Pembiayaan Politik

Perbahasan Terhadap Belanjawan Jabatan Perdana Menteri
8hb Nov 2016

Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis atas memberikan peluang berbahas belanjawan Jabatan Perdana Menteri. Tuan Pengerusi saya ingin mengutarakan tiga isu penting.

Yang pertama adalah mengenai JAKIM (Butiran B6 050 200). Saya ingin memohon kepada Jakim untuk menangani satu masalah yang dihadapi oleh beberapa ratus rakyat Malaysia yang **ditafsirkan sebagai orang Islam walaupun mereka tidak pernah mengamalkan agama Islam sejak kecil lagi.**

Satu contoh daripada kawasan saya adalah En.Mohd Nasir seorang berumur 23 tahun. Ibunya adalah seorang keturunan Hindu yang telah berkahwin dengan seorang India Muslim dan memasuki Islam. Akan tetapi bapa Mohd Nasir telah meninggalkan isterinya semasa dia mengandung dan tidak kembali selepas itu. Ibu Mohd Nasir telah kembali ke keluarga asalnya yang beragama Hindu dan Mohd Nasir telah dibesarkan dalam suasana agama Hindu. Dia bernama Islam tetapi mengamalkan agama Hindu sejak kecil. Beliau juga tidak pernah dididik dalam agama Islam.

Sekarang dia ingin kahwin seorang gadis Hindu tetapi keluarga gadis tidak akan mengizinkannya sehingga dia menyelesaikan isu tafsiran agamanya itu. Saya telah membawa Mohd Nasir ke Jabatan Pendaftaran tetapi mereka kata perlu mendapatkan surat daripada Jabatan Agama Islam. Jabatan Agama Islam memberitahu bahawa harus menfailkan kes di Mahkamah Syariah.

Saya membantu Mohd Nasir carikan seorang peguam Syariah dan menfailkan kes ini. Tetapi selepas 4 tahun, kes masih belum dibicarakan lagi. Saya mengenalpasti bahawa masalahnya timbul dari Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak. Enakmen ini di bawah Seksyen 50 (3) (x) menyatakan bahawa pengisyiharan seorang itu bukan lagi seorang Islam adalah antara kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

Masalah dengan seksyen ini ialah dia membawa implikasi bahawa orang itu pernah mengamalkan Islam pada satu ketika dulu. Maka jika mana-mana pihak yang membuat pengisyiharan ianya mungkin disamakan dengan amalan menyokong seseorang murtad. Inilah sebabnya peguam dan Hakim Syariah begitu sensitif dan enggan memberi pengisyiharan yang dipohon.

Tetapi realitinya tidak kena mengena dengan kerisauan pihak Hakim dan peguam, kerana individu seperti Mohd Nasir ini tidak pernah mengamalkan Islam.

Saya mencadangkan penyelesaian kepada isu ini dengan mengemukakan sebuah Bil Persendirian untuk mengubahsuai Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 dengan memasukkan seksyen baru iaitu Seksyen 46 (2) (x) yang akan berbunyi "*kuasa untuk mengisyiharkan seorang itu bukan*

beragama Islam atas sebab tidak pernah mengamalkan agama Islam sejak kecil lagi”.

Tetapi Bil Persendirian saya tidak dibenarkan oleh Tuan Speaker. Saya tidak tahu mengapa ianya ditolak. Saya harap Jakim dan Menteri berkenaan mengkaji isu ini dan ambil tindakan sewajarnya. Saya rasa Islam dan juga semua agama mengutamakan keadilan dan isu ini harus ditangani.

Sekarang saya akan alih ke isu kedua. EPU atau Unit Perancang Ekonomi. Butiran B6 020200. Adakah EPU mengkaji **isu kewujudan kelembapan permintaan kasar**, “*Weak aggregate demand*”? Pada saya permintaan kasar yang lemah adalah punca pokok banyak masalah yang kita hadapi dalam ekonomi dunia – ianya menyekat pelaburan dan mengurangkan pertumbuhan ekonomi dan peluang kerja.

Adakah pihak EPU membuat apajua analisa mengenai fenomena ini? Adakah EPU gubal strategi untuk mengatasi kelembapan permintaan kasar? Bagaimanakah aggregate demand dapat dijana di Malaysia ataupun di rantau ASEAN? Adakah perlu kita ubahsuai perjanjian perdagangan bebas di kawasan ASEAN supaya dapat menangani masalah *aggregate demand* yang tidak mencukupi? Kini, oleh kerana negara-negara ASEAN sedang bersaing untuk pelaburan, *Foreign Direct Investment (FDI)*, (Pelaburan Langsung Asing) kita melaksanakan beberapa polisi yang menyekat perkembangan permintaan kasar ini. Umpamanya, kita menyekat kenaikan gaji pekerja supaya kos pekerja rendah. Satu contoh lagi adalah polisi Negara-negara ASEAN mengurangkan cukai korporat supaya menarik lebih banyak pelaburan.

Maka jika gaji terus ditekan rendah, dan cukai korporat dikurangkan, sudah tentu permintaan kasar tidak akan berkembang. Adakah EPU sedar akan hakikat ini? Apakah cara mengendalikannya?

Isu terakhir yang saya ingin kemukakan adalah isu **Political Funding ataupun Pembiayaan Politik**. Pada takat ini sumber terbesar untuk parti-parti politik memperolehi dana politik ialah dari sektor korporat. Syarikat-syarikat besar memberi sumbangan dana kepada parti kerajaan dan juga parti-parti pembangkang. Tetapi ini melemahkan amalan demokrasi di negara kita kerana pihak korporat mempunyai agendanya tersendiri untuk mempengaruhi proses politik kita.

Demokrasi bermaksud hasrat rakyat diambil berat. Tetapi sumbangan dana secara besar-besaran oleh pihak korporat menafikan suara rakyat di Parlimen. Bolehkah kita wujudkan sistem di mana dana umum diberi sebagai geran tahunan untuk parti-parti politik?

(Masa telah habis)

Penurunan Subsidi Padi, Masalah Lambakan Buah-buahan dan Pengusiran Penternak

Perbahasan Bajet Kementerian Pertanian. 10/11/2016



Terima kasih Tuan Pengurus atas peluang membahaskan Bajet Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Saya ingin membawa 4 isu penting. Yang pertama adalah di bawah B21: 130400 – **Subsidi Harga Padi**

Bajet tahun depan, 2017, telah mengurangkan peruntukan subsidi harga padi dari RM 400 juta (2016) ke RM 300 juta tahun depan (2017). Iaitu pengurangan sebanyak 25%. Bagaimanakah Kementerian akan menangani isu ini?

Saya difahamkan bahawa, harga lantai padi pada kini adalah 75 sen di peringkat kilang. Kerajaan kita memberi subsidi ataupun *price support* sebanyak 75 sen sekg. Jadi pesawah padi dapat RM 1.50 setiap kg padi yang dia jual. Bantuan ini harus diteruskan demi jaminan makanan “*food security*” negara kita. Juga penting kerana pesawah padi merupakan antara golongan masyarakat yang termiskin di negara kita. Saya harap Menteri Pertanian akan menjelaskan kepada Dewan dengan pemotongan bajet sebanyak 25% ini bagaimana Kementerian akan menangani cabaran ini dan terus membantu pesawah padi?

Isu kedua yang saya ingin bawa adalah **Subsidi baja padi** butiran 130500. Ini juga dikurangkan daripada RM400 juta pada tahun 2016 ke RM 300 juta untuk tahun depan. Di sini saya ada satu syor untuk Menteri Pertanian.

Bila saya berjumpa pesawah padi mereka mengadu bahawa baja yang dibekalkan pada mereka secara percuma tidak dapat digunakan kerana tidak sesuai untuk sawah mereka. Ramai antara pesawah simpan sahaja baja yang dibekalkan dan membeli baja lain daripada kedai swasta.

Bolehkah kita menukar kaedah bantuan baja ke satu sistem baucar kepada para pesawah mengikut keluasan sawah mereka? Ianya akan memberikan kesempatan kepada pesawah untuk membeli baja daripada beberapa kedai baja yang ditetapkan oleh kerajaan. Persaingan antara kedai-kedai baja akan memastikan baja yang dijual kepada para pesawah adalah berkualiti tinggi. Mungkin, jika kaedah ini diperkenalkan, peruntukan yang dikurangkan boleh digunakan dengan lebih efisien untuk menampung keperluan pesawah.

Isu ketiga yang saya ingin bawa adalah butiran 070000 FAMA.

Ada ramai pekebun kecil di kawasan saya yang mengadu Tn Pengerusi. Mereka kata pada musim buah, ada **lambakan buah-buahan** sehingga tidak dapat dijual. Banyak terpaksa dibuang ataupun diberi percuma sahaja. Rambutan, langsat dan duku adalah diantara buah yang terlibat dalam masalah ini.

FAMA telah diperuntukan RM174 juta dalam bajet 2017. Apakah cadangan FAMA untuk menangani masalah lambakan buah-buahan tempatan? Bolehkah rambutan dan duku ditinkan, ataupun

dikeringkan supaya dapat disimpan dan dijual di bandar? Apakah penyelidikan yang sedang dilaksanakan oleh FAMA atas perkara ini?

Ada ramai pekebun kecil getah yang berhasrat mempelbagaikan tanaman mereka kerana harga getah tidak begitu menggalakan. Tetapi bila menghadapi masalah lambakan hasil dusun, mereka pun tidak tahu apa yang mereka harus buat. FAMA harus memainkan peranan yang lebih proaktif dalam menangani isu ini.

Isu terakhir adalah Pembangunan Komoditi Ternakan, butiran 030600. Pada takat ini masyarakat kita ada beberapa orang yang mahir dalam menternak lembu dan kambing. Di Sg Siput ada lebih kurang 50 orang **penternak lembu**. Mereka telah melakukan kerja ini selama 20 tahun dan ramai antara mereka merupakan generasi kedua dalam bidang ini. Mereka mahir dalam menjaga lembu, merawat penyakit lembu dan menjaga pemakanan lembu.

Tetapi kemahiran ini akan hilang begitu sahaja. Hampir kesemua 50 penternak di Sg Siput berada di atas bekas lombong, tanah kerajaan yang terbiar ataupun di pinggir estet. Mereka diancam oleh pembangunan di sekitar Sg Siput. Tahun lalu, satu kawasan bernama Padang Tembak telah dikenalpasti untuk projek pembangunan. 3 orang penternak lembu yang berada di situ diusir keluar. Saya telah membawa mereka berjumpa Penolong Pegawai Daerah di Pejabat Tanah.

Kami memohon tanah lain supaya mereka dapat memindahkan lembu dan kandang-kandang. Tetapi tiada kawasan lain yang dikenalpasti untuk penternak Sg Siput yang menghadapi pengusiran oleh kerana pembangunan. Mereka tidak minta geran kekal hanya kebenaran pajakan selama beberapa tahun. Permohonan itu pun ditolak.

Saya tahu, tanah adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Tetapi isu Jaminan Makanan Negara ataupun Food Security adalah satu isu nasional yang harus dikendalikan oleh Kerajaan Persekutuan. Adanya Majlis Tanah Negara yang diperuntukkan di bawah Fasal 91 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kerajaan Pusat boleh menggunakan Majlis Tanah Negara untuk menyelaraskan pengendalian penternak dan menggubal polisi yang dapat mengkekalkan sektor ini demi kepentingan jaminan makanan negara pada masa depan.

Saya harap isu-isu ini akan diteliti dan ditangani oleh Kementerian Pertanian. Terima kasih.

Peluang Keemasan untuk Mengkaji Semula Dasar Perdagangan Antarabangsa

Perbahasan Terhadap Bajet MITI. 14/11/2016.



Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis atas peluang membahaskan bajet Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Saya hanya ingin fokus pada Butiran 030100 iaitu Dasar dan Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala. (*Mutilateral Free Trade Agreements*)

Kita baru mendengar kenyataan Presiden Amerika Barack Obama yang tidak akan mengemukakan Perjanjian TPPA ke Kongres Amerika untuk diluluskan dalam tempoh sekarang yang dikenali sebagai tempoh ‘lame duck’ (tempoh sementara menanti digantikan oleh presiden yang baru). Saya tahu ramai di MITI akan berasa kecewa kerana mereka telah bekerja kuat selama sejak 2010 untuk mewujudkan satu perjanjian yang komprehensif meningkatkan perdagangan dan ekonomi kita.

Tetapi pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika memberikan peluang untuk Malaysia untuk mengkaji semula perjanjian TPPA ini dan menilai jika rangka perjanjian ini sesuai lagi di dunia masa ini.

Tn Pengerusi, sejak awal perbincangan TPPA di Parlimen, saya tidak pernah menyembunyikan bantahan saya terhadap TPPA. Ini tidak bererti saya bantah perdagangan antarabangsa. Memang tidak boleh? Jumlah ekspot Malaysia adalah lebih daripada 70% GDP (KDNK) negara kita. Kita memerlukan perdagangan dengan negara lain. Tetapi apa yang saya membantah adalah kerangka ekonomi yang diwujudkan oleh TPPA dan juga FTA-FTA yang lain yang berat sebelah.

“Template” atau kerangka ekonomi yang diwujudkan oleh TPPA ini adalah terlalu berat sebelah kepada golongan 0.001% yang terkaya

di dunia. Kepentingan mereka diagungkan dalam perjanjian TPPA dimana;

- Mereka diberi hak luas sebagai pelabur
- Undang-undang hak cipta ataupun Intellectual Property Rights diperkasakan
- Kelonggaran untuk memindahkan modal ke luar negara tanpa sekatan.
- Syarikat-syarikat asing besar diberi ruang untuk mendakwa kerajaan di Tribunal antarabangsa melalui ISDS.

Masalah kerangka perjanjian ini adalah ianya menyumbang pada pemusatan kekayaan dunia di tangan golongan 0.001% yang terkaya. *Over-concentration of wealth in the hands of the super-rich.*

Seperti dinyatakan oleh laporan bertarikh 19hb January 2016, OXFAM “*Runaway inequality has created a world where 62 people own as much as the poorest half of the world population.*” Maksudnya 62 individu terkaya mempunyai kekayaan yang sama banyak dengan 3.5 bilion rakyat jelata! Dan bukan itu sahaja, laporan OXFAM juga menyatakan bahawa 62 individu terkaya ini harus dibandingkan dengan maklumat bahawa lima tahun sebelumnya terdapat 388 orang terkaya mempunyai kekayaan yang sama banyak dengan 50% rakyat termiskin dunia. Maka 388 dulu, sekarang sudah jadi hanya 62 individu sahaja. Inilah yang dimaksudkan dengan pemusatan kekayaan dunia yang berterusan dengan kadar yang pesat!

Kejadian pemusatan kekayaan dunia menjadi punca utama beberapa masalah ekonomi asas yang dihadapi oleh kita

- Ianya menyebabkan *aggregate demand* ataupun permintaan kasar dunia merosot. Sudah pasti jika sebahagian besar pendapatan dunia dimiliki oleh 0.001% golongan terkaya , maka rakyat biasa

tidak ada mempunyai wang untuk beli semua barang dalam pasaran, justeru itu permintaan kasar merosot.

- Ini membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang perlahan dengan kecenderungan menuju kegawatan ekonomi.

- Ini juga membawa kepada kadar pengangguran yang tinggi.

Tuan Penggerusi struktur ekonomi dunia pada takat ini bukan sahaja merugikan golongan berpendapatan terendah (B40). Golongan pertengahan (M40) pun tertekan dengan sistem ekonomi global yang sedia ada. Inilah punca kemenangan Donald Trump dan untuk fenomena Brexit. Sebahagian besar rakyat dunia menolak sistem sekonomi yang mengenepikan mereka!

Kita harus mengkaji semula perlukah kita mencipta satu kerangka asas perjanjian perdagagan bebas yang baru ? Satu “*framework*” yang mengagihkan pendapatan dunia secara adil dan bukannya membantu memusatkan kekayaan seperti perjanjian masa kini. Kerangka yang membolehkan syer yang lebih besar untuk golongan B40?

Saya ingin memberikan satu contoh disini. Sekarang Malaysia adalah anggota dalam FTA ASEAN di mana tiada tarif terhadap import barang dari negara-negara ASEAN dikenakan.

Bolehkah kita mengubahsuai perjanjian FTA ini dengan syarat mewajibkan semua negara ASEAN meningkatkan gaji minima pekerja mereka sebanyak 10% setahun untuk 5 tahun akan datang. Polisi ini sudah tentu akan menambahkan gaji B40 di 10 buah negara ASEAN maka meningkatkan permintaan kasar domestik, menjana pasaran dalam di rantau ASEAN dan menguntungkan pengilang dan pedagang di semua negara-negara di ASEAN.

Tetapi jika mana-mana negara ASEAN katakan "A" tidak buat mengikuti syarat ini , tidak mahu meningkatkan gaji minima, maka negara tersebut hanya ingin menjaga kepentingan dirinya di mana A ingin menikmati pasaran yang lebih mendalam di ASEAN tetapi tidak mahu melaksanakan gaji minima yang lebih tinggi untuk menjana pasaran yang lebih besar ini. Maka saya cadangkan, import daripada negara "A" itu harus dikenakan tarif sehingga ia mengikuti syarat ini. Dengan cara sedemikian, kita mewujudkan suatu suasana di mana polisi-polisi yang benar-benar pro rakyat B40 dan M40, digalakkan di wilayah ASEAN.

Pencelahan oleh YB Charles Santiago, MP Klang.

Terima kasih YB Klang. Saya minta Menteri menjawab soalan itu. Saya ingin mengakhiri perbahasan saya dengan mengatakan kita sebagai sebuah negara demokrasi mesti ambil berat respon negatif rakyat di beberapa negara terhadap polisi-polisi neoliberal. Rakyat telah dan sedang meluahkan perasaan tidak selesa dengan arah ekonomi dunia. Kita harus dengar suara rakyat.

Terima kasih Tn Pengerusi.

Berwaspada dengan Hutang RM 100 bilion.

Perbahasan Terhadap Bajet Kementerian Pengangkutan 15/11/2016



Terima kasih Dato Pengurus. Saya ingin fokus kepada Butiran 0103000 – Perancangan Strategik. Saya menyentuh projek Landasan Keretapi Pantai Timur iaitu East Coast Rail Line Project (ECRL) sebuah projek landasan keretapi sepanjang 600km dari Kuala Lumpur ke Tumpat melalui Kuantan dan Kuala Trengganu, yang dijangka memakan belanja sebanyak RM 55 bilion.

Projek gergasi ini memang akan memacu ekonomi Malaysia untuk 5 tahun yang akan datang. Kerana duit yang digunakan dalam pembinaan akan menjana permintaan kasar dan menyumbang kepada pertumbuhan GDP (KDNK) negara. Tetapi Dato Pengurus, RM 55 bilion itu adalah satu pinjaman. Kita kena bayar balik.

Bagaimanakah kita akan bayar balik? Daripada hasil tambang pengguna ECRL ini?

Bila kita rujuk kepada akaun Keretapi Tanah Melayu Berhad kita dapati bahawa KTMB tidak memperolehi pendapatan bersih daripada kegiatan KTMB. Saya baru baca satu artikel di New Strait Times Online. Artikel ini baru dipos semalam iaitu, 14/11/2016. Tajuknya adalah "*KTMB upbeat on breaking even this financial year*". Artikel ini mengatakan bahawa KTMB perlu menjana pulangan 'turn-over' (pusing ganti) sebanyak RM 600 juta untuk menampung semua kos operasinya ataupun 'break even' (menampung segala perbelanjaan). Artikel ini menyatakan bahawa KTMB telah mengalami kerugian untuk 20 tahun yang lalu, tetapi tahun ini dijangka akan mencapai pusing ganti sebanyak antara RM 500 dan RM 600 juta.

Jadi Dato Pengerusi, jika laluan keretapi Pantai Barat yang semestinya menikmati permintaan yang lebih tinggi berbanding dengan laluan rel pantai timur, tidak dapat menjana keuntungan, bagaimana pula dengan ECRL yang dicadangkan ini? Jika hasil tambang ECRL tidak mencukupi adakah kerajaan bercadang menggunakan Dana yang Disatukan ataupun *Consolidated Fund* untuk buat bayaran pinjaman ini? Ini bukan salah, kerana ECRL ini akan menjana perkembangan ekonomi di Pantai Timur dan itu akan membawa kepada peningkatan cukai individu dan korporat ke *Consolidated Fund*.

Dimanakah perincian menjustifikasikan projek ini? Apakah anggaran penambahan cukai yang diperolehi daripada perkembangan ekonomi rantau Pantai Timur akibat pembinaan ECRL ini? Kerajaan harus maklumkan kepada rakyat Malaysia, anggaran dan perkiraan yang jelas terhadap isu-isu ini.

Kerajaan Pusat juga harus memberitahu kita apakah terma bayaran pinjaman RM 55 bilion yang akan diberi oleh Negara China. Kita diberitahu bahawa tiada bayaran dikenakan untuk 6 tahun yang pertama. Tetapi apakah kadar faedah yang akan dikenakan? Berapakah bayaran yang perlu diselesaikan mulai tahun ketujuh dan keatas? Apakah tempoh pembayaran yang dipersetujui? Adakah persetujuan bayaran balik pinjaman ini berkait dengan pemberian tanah Negara kita kepada syarikat Negara China?

RM 55 bilion bukan satu jumlah yang kecil. Ia merupakan 20% daripada bajet Persekutuan kita pada takat ini. Bila dicampur dengan faedah yang kena dibayar mungkin jumlahnya akan mencecah RM 100 bilion. Ini akan terpaksa dibayar balik oleh masyarakat Malaysia sehingga anak cucu kita. Oleh itu kita harus berwaspada agar tidak membebani generasi yang akan datang dengan hutang yang besar.

Dato Pengerusi, bila pihak penjajah British membina landasan keretapi, mereka mulakan landasan keretapi ke Kelantan di Gemas. Kerana Gemas itu adalah selatan pada Banjaran Titiwangsa ataupun “Main Range” negara kita. Jadi mereka akan mengelakan daripada melintasi Banjaran Titiwangsa kerana ianya memerlukan terowong-terowong panjang dan berkos tinggi.

Bolehkah kerajaan memberitahu pecahan kos projek ECRL ini? Berapakah kos sebahagian laluan dari KL ke Bentong yang melintasi Banjaran Titiwangsa? Berapakah kos daripada Mentakab ke Tumpat melalui Kuantan?

Kenapa tidak saja diusahakan laluan dari Mentakab ke Kuantan dan terus ke Tumpat terlebih dahulu? Barangsih dari KL boleh dihantar ke Kuantan melalui Gemas iaitu KL ke Gemas, Gemas Ke Mentakab

mengikut Landasan Timur yang sedia ada, dan dari Mentakab ke Kuantan melalui ECRL. Buat bahagian ini dulu. Selepas itu jika kita ada cukup dana dan hasil tambang yang menggalakkan, maka kita boleh fikirkan laluan KL ke Bentong.

Saya harap Kerajaan akan berkongsi semua fakta-fakta ini supaya rakyat Malaysia boleh ambil bahagian dalam perbincangan dan keputusan ini kerana implikasi projek ECRL terhadap kemantapan kewangan negara adalah besar.

Terima kasih.

Peruntukan Kementerian Kesihatan untuk memupuk Usahawan Bumiputra atau untuk merawat Rakyat Marhaen?

Pencelahan pada Perbahasan YB Klang. 15/11/2016

(Kerana tidak dapat peluang berbahas)



Mengenai isu kekurangan dana untuk Kementerian Kesihatan, saya ingin tanya - adakah prosedur perolehan yang digunakan sekarang untuk perolehan ubat, barang medikal dan juga perkhidmatan sokongan merupakan punca utama bajet Kementerian tidak mencukupi?

Umpamanya RM 1.6 bilion diperuntukkan untuk membeli ubat untuk hospital-hospital Kerajaan pada tahun 2016. Apakah nilai sebenar ubat yang diperolehi dengan RM 1.6 bilion itu? Kerana jika bekalan ubat dibeli melalui syarikat-syarikat pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan maka kos ubat ini adalah lebih tinggi daripada kos ubat yang diperolehi dari kedai farmasi swasta yang lain. Tetapi kos ini boleh dikurangkan bila sebuah syarikat membeli dengan kuantiti yang besar. Maka syarikat yang pembekal Kerajaan ini dengan mudah menikmati kadar keuntungan yang tinggi.

Bila kita tengok bajet Kementerian Kesihatan – RM 23.5 bilion. Tetapi bukan semua jumlah ini digunakan untuk menjaga pesakit. Sebahagian besar daripadanya sebenarnya digunakan untuk menjana pasaran kepada pembekal-pembekal dan kontraktor Bumiputra yang terpilih. Daripada RM 23.5 bilion, RM8.6 bilion adalah untuk perolehan Perkhidmatan dan Bekalan yang diperolehi melalui perniaga Bumiputra. Berapakah ketirisan yang berlaku kepada bajet kesihatan kerana polisi ini?

Umpamanya, RM 2 bilion akan digunakan tahun 2017 untuk membayar 3 buah syarikat swasta yang membekalkan lima perkhidmatan sokongan di hospital-hospital umum – seperti dobi kain, pembersihan hospital dan lain. Tetapi jika 5 perkhidmatan sokongan ini dilaksanakan secara dalaman (dengan kakitangan Kerajaan) “*in-house*” mungkin kementerian boleh menjimatkan RM 0.5 bilion.

Jadi saya ingin tanya Menteri, berapakah bahagian daripada bajet kesihatan yang digunakan untuk memupuk usahawan Bumiputra?

Saya tidak bantah bahawa Kerajaan ada tugas untuk membina usahawan Bumiputra. Pemeriksaan usahawan Bumiputra harus

diletak sebagai satu antara agenda ekonomi negara. Tetapi kita harus sedar bahawa apabila kita menggunakan bajet kesihatan untuk membina usahawan Bumiputra, perkhidmatan perubatan untuk golongan B40 kita, dan majoritinya juga kaum Bumiputra dari golongan berpendapatan rendah itu juga terjejas. Kita mesti sedar akan ini.

Saya harap Menteri boleh respon pada analisa ini. Terima kasih

Strategi FiT Muslihat Untuk Menutup Mata Sahaja!

Perbahasan terhadap Bajet Kementerian Tenaga,
Teknologi Hijau dan Air. 16/11/16

Terima kasih Dato Pengurus. Saya hanya ingin fokus satu topik iaitu Program Tenaga Diperbaharui, Butiran P29 – 00100.



Kementerian harus menerima hakikat bahawa strategi bergantung pada Feed in Tariff (FiT) untuk membina kapasiti Tenaga Boleh Dibaharui (TBB) telah gagal. Jawapan kepada MP Kampar bernombor 239 menyatakan bahawa sehingga 31/12/2015, hanya kapasiti TBB sebanyak 333 Megawatt telah dibina. Ini harus dibanding dengan jumlah penjanaan kuasa elektrik di Malaysia – 21,000 Megawatt pada hujung 2015. Jadi 33 Megawatt daripada TBB adalah hanya di paras 1.6% pada jumlah keseluruhan.

Kementerian mesti bertindak lebih serius untuk membina kapasiti kita dalam TBB, Tenaga Boleh Diperbaharui supaya kita dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke udara.

Kita tahu, pelepasan karbon dioksida adalah tertinggi untuk penjanaan kuasa elektrik dengan menggunakan arang batu – 1000 kg karbon dioksida untuk setiap megawatt jam tenaga yang dijana berbanding 500 kg untuk gas. Tetapi kerajaan kita masih mahu membina lebih banyak loji penjanaan elektrik yang membakar arang batu. 8 Gigawatt kuasa elektrik sedang dijana oleh loji arang batu pada takat ini. Ini akan ditingkatkan ke 12 Gigawatt pada tahun 2020. Nampaknya kerajaan tidak serius terhadap mengurangkan pelepasan karbon dioksida. FiT ini merupakan “window dressing” (muslihat)

untuk pamerkan keazaman kerajaan kita mengurangkan pelepasan karbon dioksida melalui memperkembangkan TBB. Untuk tunjuk sahaja tetapi tidak berkesan.

Jika kerajaan serius terhadap isu ini, kerajaan sendiri harus campur tangan dalam perkembangan kapasiti TBB. Satu langkah yang boleh diambil kerajaan adalah untuk guna panel solar di atas tasik empangan-empangan hidro yang sedia ada. Saya baru baca bahawa ini sedang dilakukan di Singapura di mana “the world’s largest floating solar voltaic cell test-bed measuring 1ha has been launched at the Tengeh Reservoir”. Ini dilaporkan di Star 26/10/2016.

Mengapa kerajaan Malaysia tidak boleh ambil langkah serupa? Menggunakan tasik empangan boleh jimatkan kos, kerana sistem transmisi sedia ada untuk tiap loji hidro dan ini boleh ditumpang untuk hantar kuasa elektrik yang dijana oleh panel-panel solar.

Satu lagi initiatif yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk menempatkan panel-panel solar di atas bumbung bangunan-bangunan kerajaan – sekolah, hospital, pejabat-pejabat lain.

Di negara Perancis, kerajaan telah meluluskan undang-undang yang mewajibkan pihak swasta menggunakan panel solar di sekurang-kurangnya 50% permukaan bumbung bangunan komersial. Kita juga boleh melaksanakan ini, tetapi adalah wajar kerajaan melaksanakan initiatif ini di bangunan kerajaan dulu.

Dato Pengerusi, kerajaan kita ingin menggunakan RM 20 bilion untuk membina kapasiti penjanaan daripada kuasa nuklear. Apa salahnya kita guna RM 2 bilion untuk memperkembangkan kapasiti kita dalam Tenaga Boleh Diperbaharui?

Saya harap Kerajaan akan kaji balik pendekatan terhadap membina kapasiti TBB di negara kita.

Baucar Penjagaan Kanak-Kanak bagi Ibu Tunggal dan Pencen Warga Tua

Perbahasan Terhadap Bajet Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 21/11/2016

Terima kasih Tan Sri Pengerusi.

Saya ingin bermula dengan Butiran 010200, Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di mana saya ingin membawa isu **Ibu Tunggal**. Apakah bilangan sebenarnya ibu tunggal dengan anak di bawah umur 18 tahun? Jawapan di Parlimen pada November 2011 yang lalu, diberitahu bahawa terdapat sebanyak 831,000 ibu tunggal di Malaysia. Manakala satu jawapan lagi menyatakan hanya adanya 250,000 ibu tunggal. Apakah angka sebenarnya? Adalah penting kita mengetahui bilangan sebenarnya kerana ibu tunggal dengan anak yang bersekolah merupakan suatu golongan yang '*vulnerable*' (mudah miskin) dan memerlukan perlindungan Jabatan Kebajikan.



Di kawasan saya, ada beberapa puluh ibu tunggal dengan anak di bawah umur 18 tahun. Ramai antara mereka menghadapi masalah kewangan. Ibu tunggal yang menerima pencen Perkeso selepas kematian suaminya tidaklah teruk sangat, tetapi ramai lagi ibu tunggal yang suaminya berada didalam penjara, pusat pemulihan dadah ataupun sudah meninggalkan keluarga. Golongan ini amat tertekan dengan masalah kewangan. Bantuan maksima yang boleh didapati daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah hanya RM 450. Ini tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebuah keluarga pada zaman ini.

Bila ibu tunggal ini keluar untuk bekerja, mereka menghadapi masalah penjagaan kanak-kanak. Apabila, tiada orang dewasa lain di rumah untuk menjaga anak kecil semasa ibu tunggal keluar kerja. Adakah Kementerian Wanita mengkaji kaedah pemberian **baucar untuk penjagaan kanak-kanak** kepada ibu tunggal sebegini? Mungkin RM 200 sebulan sebagai baucar bayaran rumah asuhan anak di bawah umur 12 tahun? Program baucar ini akan banyak membantu ibu-ibu tunggal yang terpaksa keluar untuk kerja.

Saya ingin memberi satu syor berkaitan ibu tunggal. Bolehkah Kerajaan **mewajibkan penjara-penjara dan pusat-pusat pemulihan dadah melaporkan** dengan segera kepada Kementerian Wanita senarai banduan baru yang masuk ke institusi supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh ambil tindakan proaktif dan melawat keluarga banduan itu. Di kebanyakan kes, keluarga banduan mengalami kehilangan sumber pendapatan apabila banduan yang merupakan penyumbang utama pendapatan keluarga itu dipenjarakan. Ada juga keluarga yang kehilangan tempat berteduh kerana tidak dapat membayar sewa. Mungkin juga anak mereka tercicir dari sekolah. Ini menyebabkan bermulanya kitaran kemiskinan '*cycle of poverty*' – di mana generasi seterusnya akan terjejas dengan masalah peminggiran dan kemiskinan. Jika Jabatan Kebajikan bertindak proaktif, maka ada kemungkinan mengawal kecenderungan ini.

Isu kedua yang saya ingin membawa adalah berkaitan **Pusat Penjagaan Kanak-Kanak**. Saya telah dengar bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kini dalam proses menetapkan piawaian untuk pusat-pusat penjagaan kanak-kanak. Ini satu usaha yang baik, tetapi saya harap Kementerian tidak kehilangan perspektif sebenar. Jangan mengambil piawaian negara maju dan cuba melaksanakannya di sini. Gaji minima di Malaysia ialah RM 1000 sebulan. Gaji minima di Australia adalah RM 10,000 sebulan. Piawaian negara maju nampaknya menarik atas kertas tetapi akan meningkatkan kos penjagaan kanak-kanak. Kita mesti memastikan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak adalah selamat. Tetapi jangan mengenakan piawaian yang terlalu tinggi sehingga golongan B40 tidak dapat membayar kosnya.

Isu ketiga adalah di bawah butiran 010500, Pelaksanaan Dasar Sosial Negara. Ikut laporan KWSP di surat khabar, 65% daripada ahli KWSP yang berumur 54 tahun, mempunyai **simpanan KWSP di bawah RM 50,000**. Ini tidak mencukupi untuk melindungi mereka sepanjang hidup. Ikut jangkaan KWSP sendiri, seorang memerlukan simpanan sebanyak RM228,000 jika dia mahu menerima bayaran RM 950 sebulan untuk 25 tahun.



Jumlah pencarum aktif KWSP adalah lebih kurang 6 juta orang. Jumlah tenaga kerja negara adalah 12 juta. 1.5 juta kakitangan kerajaan yang dilindungi oleh skim pencen. Mungkin ada 1.5 juta daripada lapisan kaya yang tidak akan bermasalah bila sampai warga mas. Tetapi adanya antara 3 dan 4 juta orang pesawah, pekebun kecil, peniaga kecil dan pekerja kontrak yang tidak ada kemudahan pencen ataupun simpanan KWSP. Jadi lebih daripada 75% daripada rakyat kita tidak ada simpanan yang mencukupi untuk melindungi mereka bila sampai ke umur 70 tahun. Adakah kerajaan mengkaji **program pencen warga tua** bagi mereka yang berumur 70 tahun ke atas dan tidak menerima pencen kerajaan ataupun perkeso? Mereka boleh dibayar RM 300 sebulan sepanjang umur. Kos program ini pada takat ini adalah RM 3.6 bilion. Pencen warga

tua akan sangat membantu lapisan warga tua dan meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Akhirnya saya ingin mengatakan saya kecewa peruntukan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dikurangkan daripada RM 1.87 bilion pada tahun 2016 ke RM 1.75 bilion untuk tahun 2017. Pada saya, ini adalah satu kementerian yang perlu ditingkatkan bajetnya. Saya harap jika ada bajet tambahan, kementerian ini akan diberi peruntukan besar. Kerana ada ramai di kalangan rakyat kita yang memerlukan bantuan. Dan adalah wajar, kita sebagai suatu masyarakat penyayang, menghulurkan bantuan kepada mereka yang miskin.

Kanak-Kanak Tanpa Kewarganegaraan dan Orang Pelarian ‘Refugees’

Perbahasan terhadap Bajet Kementerian Dalam Negeri. 22/11/2016

Saya ingin membawa **isu kanak-kanak**, walaupun dilahirkan di Malaysia dengan bapa yang memiliki Kad Pengenalan biru, tetapi mereka **tanpa kewarganegaraan**. Biarkan saya menceritakan kisah Kalidas a/l Annamalai, seorang pemegang kad pengenalan biru yang telah berkahwin Madhavi yang tidak mempunyai dokumen peribadi. Kalidas tidak dapat mendaftarkan perkahwinan ini kerana isterinya, walaupun dilahirkan di Malaysia, tidak ada kad pengenalan.

Kalidas dan Madhavi ada 5 orang anak yang semua mempunyai sijil kelahiran yang ditulis “bukan Warganegara”. Saya telah membawa En Kalidas dan lima orang anaknya ke Jabatan Pendaftaran Negara di Ipoh. Saya memohon mereka diberikan kewarganegaraan sepetimana diperuntukkan dalam Perkara 15(2) Perlembagaan Malaysia bahawa mana-mana orang di bawah umur 21 tahun boleh didaftarkan sebagai warganegara jika sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapanya adalah seorang warganegara.

Tetapi Jabatan Pendaftaran berpendirian bahawa mereka harus mematuhi poin 17, Bahagian 3, Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa bagi seorang anak tidak sah taraf, hanya status ibunya yang akan diambilkira dalam mempertimbangkan pemohonan kewarganegaraan anak itu. Jadi, ikut tafsiran Jabatan Pendaftaran, status kewarganegaraan Kalidas tidak relevan.

Kalidas a/l Annamalai bukan seorang yang kaya. Dia seorang pekerja kontrak. Dan dia menghadapi bebanan membesarkan lima orang anaknya. Diantaranya bayaran persekolahan dan rawatan hospital. Status anak-anak Kalidas sebagai “stateless” menjelaskan masa depan mereka. Mereka daripada latar belakang yang miskin. Status kewarganegaraan mereka meminggirkan mereka lagi dari masyarakat. Sudah pasti mereka juga akan terhumban dalam lapisan

rakyat termiskin di Malaysia kerana terperangkap dalam kitaran kemiskinan dari generasi ke generasi.

Apakah salahnya, Menteri menggunakan kuasa timbang rasanya '*discretionary*' (budi bicaranya) untuk *fast-track* (memudahkan) dan meluluskan pemohonan anak-anak Kalidas?

Tan Sri Penggerusi, ketika ini saya sedang kendalikan 17 kes kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. Beberapa antara mereka adalah kanak-kanak seperti dalam kes Kalidas dimana ibu mereka dilahirkan di Malaysia tetapi tidak mempunyai dokumen. Satu lagi kategori ialah dimana bapa kandungnya ialah rakyat Malaysia tetapi ibunya ialah seorang warga asing.

Umpamanya kes En Foo Mow Young yang telah kahwin dengan seorang wanita Filipina. Dia hanya daftarkan perkahwinan itu selepas kelahiran anak keduanya. 3 anak mereka yang bongsu telah dapat kad pengenalan biru, tetapi dua anak sulong masih belum dapat kad pengenalan walaupun telah memohon sebanyak 3 kali. Sekarang 2 orang anak ini sudahpun berumur 21 dan 20 tahun. Mereka tidak dapat meneruskan pendidikan mereka ke peringkat IPTA/IPTS. Mereka juga hadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan kerana tiada kad pengenalan.

Kes seperti ini boleh dibawa ke Mahkamah Tan Sri. Saya ada keratan akhbar berkaitan kes Navin Moorthy yang ibunya adalah seorang Filipina. Beliau telah pohon kewarganegaraan dua kali tetapi ditolak walaupun bapanya kandungnya pemegang kad pengenalan biru.

Akhirnya beliau menfailkan Judicial Review (*semakan kehakiman*) terhadap Jabatan Pendaftaran pada Disember 2013. Beliau menang kes tersebut tetapi JPN merayu ke Mahkamah Rayuan. Navin menang di Mahkamah Rayuan juga.

Saya boleh membawa kesemua 17 kes ini ke Mahakamah, tetapi ini akan mengambil masa, dan memerlukan perbelanjaan yang berat untuk keluarga-keluarga yang terlibat. Majoriti antara mereka adalah daripada golongan berpendapatan rendah B40. Jadi saya ingin merayu kepada Menteri Dalam Negeri untuk campur tangan dan menggunakan budi bicaranya untuk luluskan permohonan mereka mendapatkan kewarganegaraan.

Sekarang saya ingin mengalih ke isu **pemohon suaka** (*asylum seekers*) Butiran 010200 – Dasar dan Operasi. Memandangkan rusuhan perkauman yang sedang berlangsung di daerah Rakhine Myanmar, sudah tentu kita akan menerima lebih ramai pemohon suaka daripada Myanmar. Masalahnya adakah kita menafsirkan pemohon suaka dan orang pelarian (refugee) ini berbeza kategori daripada “Pendatang Asing Tanpa Izin”?



Orang pelarian Rohingya melarikan diri dari keganasan yang sedang berlaku di negara asal mereka. Mereka tidak ada kesempatan untuk mendapatkan pasport dan memohon visa ke Malaysia. Mereka melarikan diri dalam keadaan kecemasan. Oleh kerana Malaysia menganggap mereka sebagai “PATI” mereka terpaksa masuk ke

Malaysia secara haram. Pihak imigresen menggelarkan saluran masuk ini sebagai “jalan tikus”.

Bila menggunakan “jalan tikus” ini mereka bergantung kepada para penyeludup dan menjadi mangsa penyeludupan manusia.

Jika kita ingin mengawal penyeludupan manusia, satu langkah penting adalah untuk mewujudkan kategori “pemohon suaka” sebagai satu kategori yang berlainan daripada kategori PATI.

Pemohon suaka dan orang pelarian harus diberi permit sementara untuk bekerja. Jika tidak, mereka terpaksa kerja secara tersembunyi dan ini mendedahkan mereka kepada penindasan dan penipuan oleh para majikan. Rohingya dianiayai di negara asal mereka. Adalah wajar kita melayani mereka secara adil dan berperikemanusiaan bila mereka berada di negara kita.

Terima kasih.

Ucapan Di Kamar II: Keganasan Terhadap Kaum Rohingya di Rakhine, Myanmar

Situasi kaum Rohingya di Rakhine, Myanmar telah merosot bulan lalu, Oktober 2016 selepas satu kumpulan bersenjata yang belum dikenalpasti telah menyerang tiga buah pos polis di sempadan Myanmar dan membunuh sembilan orang anggota polis Myanmar. Kerajaan Myanmar telah bertindak balas dengan operasi tentera.

Dalam tiga minggu yang lalu, beberapa orang Rohingya pemohon suaka di Malaysia telah mengadu bahawa mereka telah dengar daripada saudara-mara mereka di Rakhine bahawa

- Beberapa orang Rohingya telah dituduh sebagai ahli kumpulan pengganas;
 - Beberapa orang lelaki Rohingya yang tidak bersenjata telah ditembak mati kerana disyaki mempunyai hubungan dengan kumpulan bersenjata itu;
 - Lapan orang wanita Rohingya di Kampung Bura Shiddafara telah dirogol pada 19hb Oktober 2016 oleh sepasukan lelaki bersenjata pihak kerajaan;
 - Harta orang Rohingya sedang dirampas oleh anggota tentera dan ada mereka yang dihalau daripada rumah-rumah mereka.
- Laporan-laporan ini menimbulkan kerisauan bahawa perasaan marah dan benci terhadap masyarakat Rohingya di Rakhine telah meningkat akibat serangan kumpulan militan terhadap pos polis pada

9/10/2016, dan oleh kerana Kerajaan Myanmar tidak memainkan peranan yang bertanggungjawab untuk beri perlindungan kepada masyarakat Rohingya di Rakhine, mereka sedang ditindas dan dianiayai pada skala yang besar pada takat ini. Laporan di surat khabar STAR bertarikh 1/11/2016 mengenai bukti kebakaran kampung-kampung di Rakhine yang ditemui melalui kamera satelit memberi kami sebab-sebab yang kukuh untuk percaya aduan pemohon suaka adalah berasas.

Adakah Kerajaan Malaysia sedar terhadap situasi di Rakhine sekarang? Apakah tindakan sedang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk menghentikan keganasan terhadap kaum Rohingya?

Kerajaan Myanmar menafikan bahawa keganasan terhadap kaum Rohingya telah tercetus sekali lagi di Rakhine. Kerajaan Myanmar berkata bahawa laporan-laporan terhadap keganasan adalah ciptaan NGO yang berhasrat memburukkan nama Myanmar dengan menggunakan foto dan filem daripada tahun 2012 dan 2013. Dan jurucakap Presiden Myanmar, Zaw Htay, telah menjemput pasukan pemerhati daripada Bangsa-Bangsa Bersatu untuk melawat dan memantau situasi.

Bolehkah Malaysia mengesyorkan penubuhan satu pasukan pemantauan yang dianggotai oleh wakil-wakil semua Negara ASEAN untuk melawat Rakhine untuk memantau situasi di situ? Jika pendirian kerajaan Myanmar bahawa tiada sebarang keganasan terhadap kaum Rohingya adalah benar, pasukan pemantauan ASEAN ini boleh membersihkan dan mempertahankan nama dan imej Kerajaan Myanmar di arena antarabangsa.

Apakah halangan untuk melaksanakan program pemantauan ini?

Terima kasih.

(Ucapan ini tidak dibenarkan oleh Speaker Dewan.)

Pindaan pada Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993

Bil Persendirian

Saya ingin mengusulkan kepada Dewan Rakyat seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini memberi kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada YB Ahli Parliment bagi kawasan Sg Siput U untuk mencadangkan suatu Rang Undang-Undang Ahli Persendirian bernama **Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016**

Tujuan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016 adalah untuk memantapkan pengendalian masalah yang dihadapi oleh beberapa ratus rakyat Malaysia yang merupakan hasil perkahwinan antara seorang beragama Islam dan seorang bukan Islam di mana, oleh kerana ibu bapa mereka telah berpisah, dibesarkan oleh keluarga yang bukan Islam. Ramai antara mereka berkahwin orang bukan Islam tetapi tidak dapat mendaftarkan perkahwinan mereka kerana kad pengenalan mereka mengatakan mereka adalah orang beragama Islam.

Pada takat ini Jabatan Pendaftaran Negara tidak terima surat akuan ataupun “Deed Poll” daripada Mahkamah Sivil sebagai bukti yang mencukupi untuk menukar pentafsiran agama di kad pengenalan orang-orang seperti ini. Adalah tercatit di undang-undang pentadbiran Islam seorang Muslim adalah seorang yang mempunyai bapa atau ibu yang beragama Islam pada masa bila orang itu dilahirkan (umpamanya Seksyen 1(b) *Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993*). Oleh itu individu ini tidak boleh pergi ke Mahkamah Sivil untuk menyelesaikan isu pentafsiran agamanya. Dia perlu datang ke Mahkamah Syariah.

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 menyenaraikan kuasa-kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam seksyen 46. Tetapi Akta ini tidak menyatakan secara spesifik kuasa Mahkamah Syariah untuk menentukan samada penafsiran agama seseorang adalah sah ataupun tidak. Manakala Enakmen Pentadbiran Agama Islam di beberapa negeri termasuk Perak, Selangor dan Johor menyatakan dalam Seksyen 50 (3) (x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam bahawa “*pengisyiharan bahawa seorang itu bukan lagi orang Islam*” adalah antara kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

Tetapi kewujudan klausa ini di Enakmen Perak dan beberapa Negeri lain tidak mencukupi kerana struktur ayat itu kerap disalahtafsir sebagai membentarkan kegiatan Irtidad – “bukan lagi” membawa makna individu itu merupakan seorang beragama Islam pada satu masa dahulu tetapi telah keluar dari agama Islam. Persepsi ini adalah antara sebabnya majoriti peguam Syariah tidak mahu mewakili klien seperti ini dan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah begitu enggan memberi pengisyiharan 50(3)(x) yang dipohon.

Ini menimbulkan pelbagai masalah termasuk -

1. Pemohon pengisytiharan menghadapi masalah mencari peguam syariah untuk mewakilinya di Mahkamah;
2. Bila dapat peguam pun, kerap kali peguam itu takut dilihat sebagai terlalu rajin dalam menjalankan kes ini;
3. Kes-kes ini berlanjutan untuk beberapa tahun dengan kos guaman yang melambung antara RM 6000 ke RM 20,000;
4. Untuk elak membuat keputusan, kerap kali Hakim Syariah menghantar kes seperti ini ke kelas "Istitabah" yang jauh lebih sesuai untuk individu-individu yang pernah dididik dalam agama Islam. Kadang kala cara yang diambil oleh para Ustaz yang kendalikan kelas Istitabah bukan bermutu tinggi.
5. Pemohon pengisytiharan tidak dapat mendaftarkan perkahwinannya. Dia juga tidak dapat namakan anaknya dengan nama yang bukan Islam ataupun memasukkan nama bapa ke dalam sijil kelahiran anaknya.
6. Kesemua ini menimbulkan persepsi negatif terhadap agama Islam di kalangan keluarga pemohon dan juga masyarakat sekeliling yang mengetahui masalahnya. Ini mencemarkan imej institusi Mahkamah Syariah yang harus dipandang oleh orang ramai sebagai satu tempat yang mesra kepada manusia dan di mana keadilan boleh diperolehi oleh sesiapa pun termasuk seorang bukan Islam.

Pindaan yang dicadangkan terhadap *Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993* menyatakan dua kuasa spesifik Mahkamah Tinggi Syariah iaitu

- a) kuasa untuk mengisyiharkan seseorang itu bukan lagi beragama Islam;
- b) kuasa untuk mengisyiharkan bahawa orang itu bukan beragama Islam atas sebab tidak pernah mengamalkan agama Islam sejak kecil lagi.

Pindaan-pindaan ini bukan sahaja akan membantu membawa penyelesaian kepada individu yang tersepit antara dua agama kerana fakta-fakta peribadi yang bukan di bawah kawalan beliau tetapi juga akan bantu dalam memulihkan imej Islam di kalangan masyarakat bukan Islam. Yang lebih penting, pindaan yang dicadangkan adalah selaras dengan konsep *Rahmatan Lil Alamin* (A Blessing to Mankind ataupun Rahmat kepada sekalian manusia) yang merupakan intipati agama Islam.

Oleh yang demikian, saya selaku Ahli Parlimen Sg Siput U menyerahkan bersama-sama surat ini naskah Draf Undang-Undang *Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan)* 2016 dalam dua versi iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris selaras dengan Peraturan Mesyuarat 49(2) untuk dikemukakan di dalam sidang Dewan Rakyat yang akan bermula pada bulan Oktober 2016.

Saya sudah mengenalpasti beberapa orang Ahli Dewan Rakyat yang rela menyokong Usul ini seperti diwajibkan di bawah peraturan 31(1).

Terima kasih.

D.R. /201

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda ***Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993***

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti berikut:

Tajuk ringkas dan pemulaan kuatkuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan *Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan)* (Pindaan) 2016.
(2) Akta ini mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan Fasal 46

2. Akta ibu dipinda dalam Fasal 46 (2) dengan memasukkan dua subseksyen baru, seperti berikut –

Subseksyen baru (ix): *kuasa untuk mengisytiharkan seseorang itu bukan lagi beragama Islam;*

Subseksyen baru (x): kuasa untuk mengisyiharkan bahawa orang itu bukan beragama Islam atas sebab tidak pernah mengamalkan agama Islam sejak kecil lagi.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta *Pentaadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993* untuk membolehkan Mahkamah Syariah Tinggi menyelesaikan secara adil masalah-masalah berkaitan dengan individu-individu yang didaftar sebagai Muslim di Sijil Kelahiran mereka tetapi dibesarkan sebagai penganut agama lain.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan menyatakan kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

(Bil Persendirian ini tidak dibenarkan oleh Speaker Dewan atas alasan saya tidak dapat izin Yang Di Pertuan Agung)

Aduan Polis: Tindakan Pejabat Tanah yang Kejam. 6/5/2016

Saya terasa amat kecewa dengan pendekatan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Perak dan Pejabat Tanah Sg Siput terhadap pekebun kecil di Padang Tembak kerana

- Tidak hormati proses mahkamah. Pekebun kecil terlibat telah merayu ke Mahkamah Rayuan tetapi Pejabat Tanah telah masuk dan memusnahkan banyak daripada tanaman kebun di kawasan Padang Tembak
- Bertindak seolah pekebun kecil adalah penjenayah ataupun perompak dan menggunakan 150 orang anggota Pejabat Tanah, Polis, MPKK, RELA dan agensi lain untuk melancarkan “serangan” terhadap kebun di Padang Tembak pada pagi 6/5/2016.
- Langsung tidak mencuba mengadakan dialog dengan pekebun yang terlibat berkaitan tanah alternatif yang boleh dipohon.
- Tidak ambil berat terhadap pekebun-pekebun kecil yang bergantung pada pertanian ataupun penternakan untuk pendapatan keluarga mereka.
- Menyebabkan kerugian sebanyak beberapa puluh ringgit pagi ini dalam cara memasuki dan memusnahkan tanaman, pondok dan alat lain pekebun dan penternak.

Latar Belakang

9 orang pekebun kecil ini telah diberi Notis keluar pada bulan April 2015 kerana kerajaan ingin membina sekolah agama di kawasan itu. Daripada masa itu pekebun kecil telah memaklum kepada Pejabat Tanah bahawa mereka rela mengosongkan tanah tersebut tetapi harap dapat bantuan dan nasihat dalam mendapatkan tanah gantian untuk teruskan dengan kebun ataupun penternakan mereka. Malangnya, langsung tiada respon daripada Pejabat Tanah ataupun Pejabat Menteri Besar Perak walaupun pekebun ini telah menghantar surat kepada kedua-dua pihak.

Oleh kerana tiada sebarang maklumbalas daripada pihak berkuasa, saya telah membantu pekebun-pekebun menfaillkan kes semakan kehakiman pada bulan Julai 2015 (tarikh terakhir untuk menfaillkan kes terhadap Notis Pengusiran yang dikeluarkan pada April 2015). Kami telah memohon dan mendapatkan “stay” (permohonan untuk menetap sementara) daripada Mahkamah Taiping terhadap Notis Pengusiran Pejabat Tanah.

Akhirnya, kami gagal dapat perintah yang dipohon oleh kami kerana, walaupun Hakim bersimpati dengan pekebun, beliau rasa tiada ruang dalam undang-undang yang sedia ada untuk perintah yang dipohon kami. Kami meminta “stay” terhadap notis pengusiran disambung sehingga kes rayuan kami ke Mahkamah Rayuan diselesaikan. Permintaan ini ditolak oleh Hakim Taiping semalam. Kami telah memberitahu Peguan Kerajaan dan juga Balai Polis Sg Siput bahawa kami ingin memohon pada Mahkamah Rayuan untuk stay tersebut.

Serangan yang Kejam

Kami terperanjat pagi ini bila lebih kurang 150 anggota beberapa agensi kerajaan turun ke Padang Tembak dan memusnahkan

tanaman yang berada di situ. Ini adalah suatu tindakan yang keras, kejam dan tidak bertanggungjawab. Pekebun ini tidak pernah mengatakan mereka tidak boleh berpindah. Apa yang mereka pohon adalah proses dialog dan bantuan daripada pihak kerajaan supaya mereka dapat meneruskan kegiatan pertanian ataupun penternakan mereka.

Kuasa kerajaan adalah sesuatu yang diamanahkan kepada kerajaan oleh rakyat. Kuasa ini harus diguna secara yang berhemah dan bertanggungjawab – untuk kebaikan semua pihak yang terlibat. Pendekatan ini tidak dapat dilihat dalam caranya Pejabat Tanah dan Pejabat PTG menyerang pekebun kecil Padang Tembak pagi ini.

Jeyakumar Devaraj

Perbincangan RUU 355 bersama PAS

Malam tadi (10/10/2016) serombongan dari PAS telah datang ke Pejabat PSM Sg Siput. Rombongan seramai 12 orang ini diketuai oleh Pesuruhjaya PAS Perak dan YDP Sg Siput, SU PAS SS, Ketua Dewan Pemuda SS dan beberapa ahli lain mengiringi Hj Razman Zakaria, Pesuruhjaya PAS.

Hj Razman memulakan mesyuarat dengan mengatakan mereka telah datang untuk meminta saya selaku Ahli Parlimen Sg Siput menyokong Usul YB Hadi berkaitan Akta 355. Beliau berhujah bahawa

- Akta 355 yang sedia ada mengandungi banyak sekatan terhadap perlaksanaan undang-undang Syariah kerana wujudnya had 356 - 3 tahun penjara, denda RM 5000 dan 6 sebatan. Pindaan yang dibawa oleh YB Hadi adalah untuk memansuhkan had-had tersbut.
- Adalah kepercayaan ahli PAS bahawa melaksanakan undang-undang Syariah merupakan kewajipan orang Islam. Kerana undang-undang Hudud adalah tertera dalam Quran dan harus diikuti secara seluruh.
- Penganut agama lain tidak ada sebab untuk merasa khuatir kerana Akta 355 berkata dengan jelas bahawa undang-undang Syariah adalah hanya untuk masyarakat Islam.

- Ada ramai ahli PAS yang menyumbang kepada kejayaan saya dalam pilihanraya 2008 dan 2013. Jadi adalah wajar mereka memohon saya menyokong usul Hadi bila Parlimen bersidang.

Saya telah jawab dengan poin-poin berikut.

1. Secara prinsip PSM terima hakikat bahawa tiap kaum mempunyai hak untuk menentukan bagaimana mereka ingin mengamalkan agama mereka. Orang Hindu umpamanya tidak ada hak untuk menghalang atau menyekat masyarakat Islam beribadat seperti diingini oleh masyarakat Islam. Jadi, daripada pendirian prinsip itu, jika masyarakat Islam mahu memperkasakan Mahkamah Syariah, orang yang bukan Islam harus memberi ruang untuk berbincang cadangan ini.
2. Pada masa yang sama, orang bukan Islam memang mempunyai hak untuk bertanya samada perluasan kuasa Syariah akan membawa kesan terhadap mereka. Kerana pada takat ini, walaupun undang-undang Syariah dihadkan ke isu-isu peribadi seperti perkahwinan, penceraian, perwarisan harta dan sebagainya, ada banyak kes di mana hak orang bukan Islam telah dicabuli. Saya beri mereka 3 contoh
 - a. Kes Indira Gandhi, di mana suami Indira telah masuk Islam dan menukarkan agama 3 orang anak mereka ke Islam tanpa pengetahuan Indira Gandhi. (Nampaknya beberapa orang daripada rombongan yang datang tidak tahu berkenaan kes ini.)
 - b. Kes Kalimah Allah di mana Enakmen Syariah yang dibuat oleh UMNO di beberapa Negeri termasuk Selangor pada tahun 1986 (untuk menunjukkan UMNO adalah parti yang mengutamakan Islam) telah melanggar Perlembagaan Negara dan mencabuli hak berseimbang agama-agama lain. Kerana Perlembagaan hanya mengatakan bahawa usaha mencuba menukarkan agama seorang Islam tidak dibenarkan. Tetapi Enakmen 1986 telah menyatakan bahawa beberapa istilah langsung tidak boleh diguna

oleh agama bukan Islam di apa juga situasi termasuk dalam kuil atau gereja mereka sendiri.

c. Saya berkongsi kes Mohd Nasir, seorang penduduk Sg Siput yang saya sedang membantu. Bapanya, seorang India-Muslim telah meninggalkan ibunya semasa ibu mengandung dan terus hilangkan diri. Ibunya telah balik ke pangkal keluarga asalnya, yang beragama Hindu dan Mohd Nasir telah dibesarkan di dalam suasana Hindu. Bapanya tidak pernah pulang ke rumah. Tetapi oleh kerana ibu Mohd Nasir telah menukar agama ke Islam untuk berkahwin, Mohd Nasir dinamakan begitu dan ditafsir sebagai seorang Islam. Sekarang Mohd Nasir sudah sampai umur 24 tahun dan ingin berkahwin. Tetapi gadisnya adalah seorang Hindu dan keluarganya tidak izinkan. Bila ke JPN, JPN cakap mesti dapat surat Jab Agama. Jabatan Agama kata pergi fail kes di Mahkamah Syariah. Saya telah mencari seorang peguam syariah untuk membantu Mohd Nasir. 3 tahun sudah berlalu, Mohd Nasir sudah membayar RM 7000 ke peguam, tetapi kes masih belum jalan.

Inilah antara sebab-sebabnya, ada ramai orang bukan Islam yang khuatir terhadap perlaksanaan Hudud. Kerana mereka takut jika ada kesan buruk terhadap yang bukan Islam, tiada sesiapa yang akan membela mereka. Semua pihak – UMNO, PAS, PKR – takut buat apa yang patut dilakukan, apa yang adil. Kerana mereka takut dituduh oleh pihak lain sebagai bukan taat pada Islam.

Saya tanya mereka, jika PAS benar-benar mahu memajukan isu 355, mengapa tidak menubuhkan jawatankuasa untuk meneliti isu-isu seperti saya nyatakan dan mencari satu penyelesaian yang adil untuk semua. Kegagalan melakukan ini adalah sebabnya ramai di masyarakat bukan Islam takut terhadap Hudud.

3. Saya sambung dengan mengatakan bahawa beberapa orang Islam juga yang khuatir berkaitan Enakmen Hudud Kelantan.

Ada antara mereka yang mengadu bahawa seksyen Enakmen Hudud berkaitan Irtitad (Murtad) adalah terlalu longgar. Jika pihak berkuasa adalah terlalu ketat dan autoritarian banyak perkara boleh dijadikan perkara sesat yang boleh dihukum dengan tempoh penjara, perampasan harta dan sebatan. Ada orang Islam sendiri yang khuatir bahawa pada takat ini, pihak Ulama yang akan menguruskan sistem Syariah tidak cukup matang dan terlalu berfikiran sempit. (Diperingkat ini saya tanya kepada mereka yang datang samada mereka telah membaca Enakmen Syariah Kelantan 1993/2015 yang membawa undang-undang Hudud. Daripada respon, nampaknya ramai belum baca.)

Saya kongsi dengan mereka bagaimana saya sendiri telah keluar dari agama Kristian kerana Paderi saya mahu saya menerima bahawa semua orang yang tidak menerima “Jesus” akan pergi ke neraka. Saya berumur 14 tahun pada takat itu. “Bagaimana dengan orang Hindu yang baik hati yang membantu orang lain?” saya tanya. “Ke neraka juga jika tidak menerima Jesus Christ!” adalah jawapan tegas Padre saya. Saya terus cicir daripada kelas agama dan tidak menjadi ahli gereja secara rasmi sehingga sekarang!

Kerana pada saya pendirian Paderi saya tidak masuk akal. Jika Tuhan mahakuasa, sudah tentu dia boleh wujudkan situasi di mana semua manusia adalah satu agama dan satu mahzab! Jika ada kepelbagaiannya dalam kepercayaan ertiinya ianya diingini oleh Tuhan. Jadi mana boleh Tuhan yang amat-amat adil dan sayang pada manusia, menghukum seorang Hindu, atau Islam atau Penganut Buddha ke neraka hanya kerana bukan mengikut agama Kristian. Langsung bukan logik pada saya pada takat itu, dan sampai pada takat ini juga!

Tetapi adanya pemimpin agama Islam di Malaysia yang keluar Fatwa berkaitan mengucap Merry Christmas, atau melawat ke rumah kawan pada Hari Perayaan Deepavali, berkaitan menyentuh anjing, dan yang isytiharkan orang lain sebagai kafir harbi. Ada beberapa orang kawan beragama Islam yang tidak selesa dengan memperluaskan kuasa sistem Syariah dan memberikan kuasa ini

kepada kumpulan pemimpin agama yang sedia ada. Ini juga satu isu yang harus dikendalikan oleh masyarakat Islam di Malaysia.

Saya akhiri dengan memberitahu rombangan bahawa saya sudah menfailkan satu Usul untuk menangguhkan debat terhadap Usul Hadi dan merujuk perkara ini ke sebuah jawatankuasa parlimen khas untuk dikaji dan dibincang secara lebih dalam.

Selepas itu kita berbincang beberapa isu lain termasuk mengapa sokongan masyarakat Melayu terhadap Pakatan Rakyat telah menurun antara 2008 dan 2013, mengapa masyarakat Melayu Desa masih miskin selepas NEP selama 45 tahun, pendirian PAS terhadap Bersih. Tetapi saya tidak mahu memanjangkan cerita ini sekarang.

Dr Kumar
11/10/2016

Aduan Polis Terhadap Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

13/10/2016

Kerana: Menyalahguna kuasa Jabatan Perhutanan untuk mengepung masyarakat Orang Asli di Pos Tohoi / Pos Simpor

1. Dua minggu lalu, masyarakat Orang Asli di Pos Tohoi / Pos Simpor daripada 33 buah kampung OA di Gua Musang Kelantan, telah menghentikan gerakan lori-lori yang membawa keluar kayu balak dari kawasan mereka.
2. Mereka telah bertindak sebegini kerana beberapa Memoranda mereka ke Kerajaan Kelantan mengenai masalah-masalah yang disebabkan oleh pembalakan di kawasan mereka tidak diambil berat oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Umpamanya, dalam mesyuarat antara Jaringan Orang Asli Kelantan dan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Datuk Mohd Amar Abdullah di Kota Bahru pada bulan Julai 2014, YB Timbalan MB Kelantan telah berjanji satu jawatankuasa khas akan di tubuh untuk menyiasat aduan mereka dan mencari satu penyelesaian yang adil terhadap tanah adat Orang Asli. Tetapi sampai sekarang tiada sebarang perkembangan, dan pembalakan terus dijalankan di kawasan yang berhampiran dengan kampung-kampung mereka.

3. Pembalakan di kawasan sekeliling kampong-kampung mereka telah menghancurkan ekonomi tradisi mereka. Binatang yang biasa diburu kehilangan, pokok dan tumbuhan yang mereka bergantung

untuk makanan, ubatan dan untuk dijual di pasar dimusnah, dan air sungai dijadikan keroh. Ikan pun berkurangan dalam sungai-sungai yang tercemar.

4. Pada 4/10/2016 Timbalan MB Kelantan telah mengumumkan bahawa pembalakan akan ditangguh buat sementara di kawasan Pos Tohoi / Pos Simpor. Masyarakat Orang Asli tempatan rasa lega dan gembira kerana mereka anggap masalah mereka diambil berat oleh Kerajaan Negeri.

5. Tetapi pada 11/10/2016 pihak Perhutanan Kelantan telah menyekat akses ke kawasan aksi mereka. Barang makanan pun tidak dibenarkan dibawa masuk. Peguam mereka dan wartawan juga dilarang masuk.

6. Jabatan Perhutanan memang ada kuasa untuk sekat kemasukan ke mana-mana kawasan hutan. Ini diberi di bawah Seksyen 47 Akta Perhutanan. Tetapi kuasa ini adalah untuk melindung hutan daripada pencerobohan komersial, bukan untuk mengepung Orang Asli yang sedang berjuang untuk menghentikan pemusnahan hutan di keliling kampung-kampung mereka.

7. Tindakan Jabatan Perhutanan mencabuli hak asasi Masyarakat Orang Asli di Pos Tohoi / Simpor.

Kami mahu pihak polis menyiasat

A. Siapakah yang memberi arahan menyekat akses ke kawasan ini? Adakah ianya tindakan persendirian Pegawai Tinggi dalam Jabatan Perhutanan? Ataupun adakah ianya arahan seorang EXCO Kerajaan Negeri Kelantan?

B. Adakah kaitan komersial di antara pihak yang beri arahan menyekat akses dan tauke-tauke dua syarikat pembalakan yang beroperasi di kawasan itu? Adakah unsur rasuah dalam perhubungan ini?

C. Adakah sekatan ke kawasan blokade mencabuli hak asasi Orang Asli tempatan dan penyokong mereka dari luar? Hak kebebasan bergerak di seluruh Persekutuan adalah termaktub sebagai Artikel 9(2) Perlembagaan Persekutuan. Ia hanya boleh disekat atas sebab keselamatan Persekutuan, ketenteraman awam dan kesihatan awam. Mengapa masyarakat Orang Asli tempatan dikepung? Atas sebab apa?

D. Adakah sekatan terhadap barang keperluan asas seperti makanan dan ubat-ubatan merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang?

Kami mahu polis bertindak secara profesional dalam situasi ini dan elak dari menyebelahi pihak berkuasa Kelantan yang menyalahgunakan kuasa mereka supaya dapat meneruskan dengan pembalakan yang membawa untung lumayan untuk satu pihak elit yang kecil tetapi menyusahkan orang tempatan.

Terima kasih.

Jeyakumar Devaraj
13/10/2016

Kemiskinan Masyarakat Melayu Luar Bandar

Kertas Kerja yang dibentang dalam Kongres PSM. Jun 2016

Adalah dianggar bahawa 1.3 juta keluarga Melayu duduk di kawasan luar bandar¹ dengan pecahan kerja utama seperti berikut² –

Pekebun getah	375,000
Pekebun kelapa sawit	275,000
Pesawah padi	172,000
Nelayan	75,000
Kerja-kerja lain ³	400,000

Pendapatan isi rumah purata untuk masyarakat luar bandar pelbagai kaum adalah RM3831 dengan pendapatan bulanan isi rumah bulanan golongan T20⁴ RM8180, M40⁴ RM3729 dan B40 RM1760.⁵

Satu kajian kecil⁸ yang mengumpulkan data 136 keluarga masyarakat desa di Sg Siput Perak, menunjukkan bahawa 45% daripada keluarga yang ditinjau mempunyai pendapatan bulanan isi rumah RM1200 sebulan ke bawah, dan 40% lagi memperolehi pendapatan di antara RM1200 dan RM2000. Hanya 15% mendapat pendapatan isi rumah bulanan lebih daripada RM2000.

Mengapakah kemiskinan masyarakat Melayu luar bandar berterusan?

Ada ramai yang tidak faham bagaimana situasi ini boleh terus wujud. Pada pandangan mereka, kerajaan Malaysia telah menumpukan banyak dana dan usaha untuk membangunkan kawasan desa sejak

kemerdekaan negara. Umpamanya, bagi tahun 2016, bajet Kementerian Pertanian⁶ adalah RM 5.36 bilion dan bajet Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah⁷ adalah RM 10.4 bilion.

Ada antara mereka sekumpulan (termasuk Ahli Parlimen etnik Melayu) yang berpendapat punca utama adalah kemalasan dan kekurangan inisiatif di kalangan orang kampung. Realitinya adalah jauh lebih kompleks dan mempunyai kaitan dengan struktur ekonomi kapitalis global seperti akan dihuraikan dalam kertas ini.

A. Sebab-sebab utama kemiskinan masyarakat Melayu luar bandar

1. Saiz kebun/sawah yang diusahakan

Rajah 1 mempamerkan bahawa di Sg Siput antara 25 ke 28 penoreh getah mengusahakan tanah seluas 3 ekar ke bawah. Dan 16 daripada bilangan ini sedang menyewakan tanah dengan kadar 60:40 ataupun 50:50. (60:40 bererti penoreh mendapat 60% daripada hasil jualan manakala pemilik tanah dapat 40%).

Rajah 1: Saiz Kebun Getah (N=28)⁸

Keluasan Kebun	Milikan sendiri	Kongsi 10:6 ^a	Bagi Dua ^b	
2 ekar	0	0	2	2
3 ekar	9	4	10	23

5 ekar	0	2	0	2
< 5 ekar	1	0	0	1
	10	6	12	28 ^c

3 ekar jika ditoreh 25 hari sebulan boleh menghasilkan 30kg getah⁹ se hari. Dengan bantuan subsidi kerajaan¹⁰ penoreh ini akan mendapat RM $2.20 \times 30\text{kg} \times 25\text{ hari} = \text{RM}1650$. Jumlah ini kena dikongsi dengan tuan pemilik tanah. Jadi syer penoreh adalah RM 825 sebulan. Jika kebun getah ditoreh selang sehari, dan inilah kaedah yang digunakan oleh syarikat perladangan, hasilnya pada hari yang ditoreh akan meningkat ke 40kg getah beku mangkuk sehari. Jadi situasi ideal, adalah untuk tiap pekebun getah untuk memiliki 6 ekar supaya dapat menoreh 3 ekar sehari.

Masalah saiz tanah kecil juga wujud di kawasan padi juga di mana majoriti pesawah usahakan sawah padi yang kurang dari 5 ekar dan dapat pendapatan purata RM 500 sebulan dan kebawah. Masalah sama boleh ditemui di kawasan FELDA juga. Banyak daripada lot-lot FELDA yang diusahakan oleh keluarga peserta menampung keperluan 2 atau 3 keluarga – anak-anak peserta yang tidak dapat kerja di luar, balik ke rumah bapa dan berkongsi dalam tanah bapa.

2. Harga komoditi di Pasaran Dunia

Permintaan untuk getah asli di pasaran antarabangsa kurang daripada kapasiti pengeluaran getah. Pada tahun 2014, jumlah pengeluaran getah asli di peringkat dunai adalah 12.0 juta tan manakala, permintaan global untuk getah asli adalah 11.4 juta tan¹¹.

Pada takat ini Malaysia mengeluarkan 1 juta tan getah setiap tahun iaitu lebih kurang 8% daripada jumlah keseluruhan. Kita merupakan pengeluar ke-4 terbesar di dunia – Indonesia, Thailand dan Vietnam mendahului kita. Empat pengeluar terbesar di dunia hanya keluarkan 75% daripada jumlah keseluruhan. Jadi adalah amat sukar untuk mengendalikan lambakan getah asli di pasaran dunia.

Ada kemungkinan besar permintaan getah diperingkat dunia tidak akan berkembang dengan pesat. Oleh kerana masalah pencemaran alam sekitar, Negara China sedang ambil langkah untuk menyekat penambahan kereta di negara itu. China merupakan pengeluar kereta terbesar di dunia.

3. Kegagalan proses perindustrian menawar kerja untuk penduduk tempatan.

Sektor perkilangan telah berkembang pesat di negara kita. Pada takat ini jumlah pekerja di sektor perkilangan adalah 2.17 juta¹² dan antara mereka adanya 700.000 orang pekerja migran¹³.

Kita sedang menyaksikan satu situasi yang pelik di negara kita – ada beribu-ribu orang di kawasan luar bandar yang memerlukan kerja dan terpaksa mengambil kerja dengan produktiviti/pendapatan yang rendah. Tetapi pada masa yang sama, sektor perkilangan sedang membawa masuk berpuluhan-puluhan ribu pekerja migran atas alasan mereka tidak dapat, mencari pekerja tempatan. Ada juga Menteri yang mendakwa orang tempatan malas dan tidak sedia buat kerja “3D” – difficult, dirty and dangerous.

Tetapi jika kita turun padang kita akan dapat banyak aduan daripada pekerja tempatan bahawa mereka tidak ditawar kerja di kilang walaupun mereka hadir temuduga kerja. Ataupun jika dapat kerja

pun dilayan secara buruk oleh majikan sehingga mereka terpaksa meletak jawatan.

Hakikatnya adalah majikan dapat menjimatkan wang bila mengupah lebih ramai pekerja migran kerana

- Tidak perlu bayar KWSP untuk pekerja migran. Untuk pekerja tempatan majikan kena carum sejumlah 13% daripada gaji pekerja setiap bulan kepada KWSP. Untuk pekerja migran, memang kena bayar levi, tetapi ini boleh dipotong daripada gaji pekerja migran itu.
- Pekerja migran sedia kerja syif 12 jam secara berterusan. Tetapi pekerja tempatan ada urusan rumahtangga dan mereka tidak begitu berminat kerja 12 jam sehari setiap hari. Syif 12 jam merupakan penjimatan untuk majikan. Caruman KWSP tidak dikenakan untuk kerja lebih masa.
- Pekerja migran boleh dibuli dan ditipu. Jika mereka protes, senang untuk kendalikan – kenalpasti jurucakap mereka, potong permit kerjanya dan hantar dia balik ke negara asal. Yang lain semua akan takut menyatakan majikan lagi. Ini sering berlaku.

Majikan terpaksa berpura-pura mencari pekerja tempatan kerana ingin menunjuk ia mematuhi syarat kerajaan bahawa pekerja tempatan harus diberi peluang kerja dulu. Syarikat-syarikat kilang gantung sepanduk, dan mengeluarkan iklan. Jika pekerja tempatan datang mereka dihantar balik selepas temuduga dengan janji mereka akan dipanggil. Tetapi selepas berpura-pura mencari pekerja tempatan, majikan memberitahu pihak Kementerian Dalam Negeri bahawa tidak dapat mencari pekerja tempatan dan perlu membawa masuk lebih ramai pekerja migran.

4. Kehadiran Kumpulan Buruh Simpanan.

Bila gaji minima ditetapkan sebagai RM 900 sebulan, gaji harian harus ditahap RM 36 sehari (900 bahagi 25 hari). Tetapi gaji harian untuk pekerja kontrak di kebun di luar bandar adalah hanya RM 25 sehari ataupun lebih rendah lagi. Sebabnya adalah kehadiran 3.3 juta pekerja migran tanpa dokumen. Majoriti daripada kumpulan ini adalah pekerja migran yang datang ke Malaysia dengan dokumen yang sah. Tetapi oleh kerana dibuli dan ditipu oleh ejen, kontraktor buruh dan majikan, pekerja migran ini terpaksa melarikan diri dan menjadi pekerja migran tanpa dokumen (PMTD).

Ramai daripada PMTD ini terpaksa terus berada di Malaysia kerana kekurangan kerja di negara asal mereka dan juga kerana mereka telah meminjam wang untuk bayar fi dan komisyen untuk datang ke Malaysia. Pekerja dari Nepal kena membayar RM14,000 sebagai fi dan komisyen walaupun kos tiket penerbangan, pemeriksaan perubatan dan pasport di bawah RM 1500. Oleh kerana hutang mereka sedia ambil apa sahaja kerja yang ditawarkan. Mereka tidak boleh mengadu jika majikan bayar dengan kadar yang di bawah kadar gaji minima. Nak adu pada siapa? Akan dirujuk kepada Imigresen (dan dijatuhkan hukuman sebat) jika mereka pergi ke mana-mana pejabat kerajaan untuk mengadu terhadap gaji rendah!

3.3 juta bukan satu angka yang kecil. Jumlah pekerja tempatan yang sedang mencarum ke KWSP sekarang adalah lebih kurang 6 juta sahaja. 3.3 juta adalah lebih daripada 50% jumlah pekerja tempatan. Kehadiran mereka mengurangkan gaji yang boleh diperolehi oleh pekerja tempatan di kawasan luar Bandar. Jika seorang pemilik kebun ataupun seorang kontraktor boleh dengan senang, cari pekerja migran yang sedia kerja dengan gaji RM 25 sehari, apakah insentif untuk pemilik kebun itu untuk menawarkan RM 36 sehari untuk pekerja tempatan?

5. Keazaman UMNO memupuk lapisan usahawan di kalangan masyarakat Melayu

Ini adalah ekoran kepercayaan Tun Dr Mahathir bahawa bangsa Melayu hanya ada harapan berjaya di dunia moden jika sebahagian daripadanya menjadi industrialis, banker dan kapitalis. Oleh itu kerajaan telah cuba membuka ruang bisnes untuk peniaga Melayu. Tetapi usaha mewujudkan peluang bisnes untuk lapisan kontraktor dan peniaga kecil dan besar mewujudkan masalah ekonomi untuk pekerja Melayu. Contoh –

- Dulu subsidi untuk sektor pesawah padi adalah melalui Lembaga Padi Negara. Tetapi sekarang dikendalikan oleh syarikat-syarikat swasta. Subsidi baja, sejumlah RM 500 juta setahun, dikendalikan oleh beberapa syarikat pilihan Kementerian Pertanian. Tetapi ada ramai pesawah yang mengadu bahawa baja yang dibekal tidak sesuai untuk sawah-sawah mereka!
- Dulu pekerja pembersih sekolah dan hospital adalah kakitangan kerajaan dengan kemudahan pinjaman rumah, pencen pesaraan, dan jaminan rawatan seumur hidup. Sejak 1990an, Kerajaan BN telah menswastakan pembekalan perkhidmatan pembersihan dan keselamatan kepada syarikat-syarikat swasta. Pekerja pembersihan bukan sahaja kehilangan segala perlindungan yang mereka dulu ada sebagai kakitangan kerajaan, tetapi kerap kali bayaran gaji adalah lambat, bayaran gaji adalah berkurangan, ada kegagalan mencarum kepada KWSP dan Perkeso dan sebagainya.
- Bernas, satu monopoli yang dimiliki oleh satu pemodal Bumiputra, telah ambil alih tugas-tugas serta peruntukan Lembaga Padi Negara. Ada sebab untuk meragui samada peruntukan untuk membantu pesawah sekarang sampai ke sasarannya.

- Adanya berpuluhan-puluhan kapal pukat tunda Vietnam yang mempunyai permit masuk ke perairan Malaysia. Mereka merupakan rakan perniagaan kaum V VIP UMNO yang memperolehi lesen perikanan daripada Putrajaya. Yang rugi adalah nelayan kecil yang tidak dapat ikan untuk ditangkap kerana kapal trawler telah sapu semua!

Polisi menggalakkan peniaga Melayu sedang menjelaskan ekonomi Melayu marhaen! Tetapi ini satu isu yang tidak diakui oleh pemimpin UMNO dan Pakar Perunding Perancang Ekonomi di Putrajaya.

B. Langkah-Langkah untuk Mengendalikan Masalah Kemiskinan Masyarakat Melayu Luar Bandar.

1. Meneruskan subsidi-subsidi untuk sekor pertanian.

- Subsidi yang sedang diberi sekarang harus diteruskan. Antaranya adalah subsidi pesawah padi (2.2 bilion) setahun, subsidi nelayan, Insentif Pengeluaran Getah untuk pekebun getah kecil.
- Tetapi perlaksanaan pemberian subsidi harus dikaji (dengan input kumpulan yang disasarkan) dan jika perlu diubahsuai untuk memastikan orang tengah tidak menyalahguna peruntukan ini. Umpamanya mungkin adalah lebih baik jika
 - subsidi baja untuk pesawah padi diberi dalam bentuk baucar yang boleh diguna oleh pesawah untuk memperolehi baja, dan bukan melalui kontraktor swasta seperti sekarang
 - Bernas dimansuhkan dan subsidi yang kini disalurkan melalui diberi kepada Lembaga Padi Negara yang ditubuh balik.

2. Membantu pekebun kecil getah mempelbagaikan tanaman/aktiviti mereka.

Ramalan untuk harga getah asli di pasaran antarabangsa tidak begitu baik. Pada masa yang sama tahap sara diri negara kita dalam buah-buahan adalah hanya 60% dan untuk daging lembu dan kambing di bawah 10% dan untuk susu lembu lebih kurang 15%. Ertinya wujudnya permintaan dalam negara untuk bahan-bahan makanan ini. Apa yang harus dilakukan

- membantu pekebun memperolehi kemahiran dalam bidang baru seperti penternakan lembu tenuus.
- menghulurkan bantuan modal untuk menyediakan kemudahan untuk penternakan lembu, kambing dan ikan.
- dan penting sekali, memastikan mereka dapat jual makanan yang dihasilkan oleh usaha mereka. Mungkin pihak seperti FAM harus melaksanakan “forward contract” ataupun kontrak terus dengan pemilik dusun buah supaya pengusaha dusun pasti sekurang-kurangnya sebahagian daripada hasilnya akan dibeli oleh FAMA dengan satu harga yang telah dijanjikan terlebih dahulu.

3. Untuk masyarakat nelayan

- Kawalan perairan pesisiran negara kita harus dipertingkatkan. Pencerobohan kapal tunda mesti dikawal
 - Lesen perikanan yang diperolehi oleh VVIP untuk disewakan kepada kapal-kapal perikanan asing harus ditarik balik.
 - Senarai semua kategori lesen perikanan harus dipaparkan di dalam laman web Jabatan Perikanan.
 - Kawalan udara melalui “drone” harus diperkenalkan.
- Projek-projek tenaga yang boleh diperbaharui harus dilancarkan di kawasan tepi pantai kerana itulah kawasan dengan angin kencang. Orang muda di kawasan tepi pantai harus diberi peluang

memperolehi kemahiran teknikal untuk bekerja di loji-loji yang menjana tenaga elektrik secara yang tidak mencemarkan.

4. Membuka ruang untuk orang luar bandar mendapat kerja di sektor pembuatan

- Pengambilan pekerja migran baru daripada negara-negara lain harus disekat dengan ketat.
- Satu agensi kerajaan harus ditugaskan untuk mendaftarkan orang-orang luar bandar yang berumur di antara 20 hingga 45 tahun yang berminat bekerja di kilang. Syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja baru harus dikehendaki menghubungi agensi ini untuk pekerja. Pengesahan agensi ini perlu sebelum permohonan membawa masuk pekerja migran baru boleh dikemukakan ke pihak Imigresen.
- Syarikat harus menawarkan syif 8 jam sehari dan tidak boleh memaksa syif 12 jam.
- Levi pekerja migran harus setimpal dengan caruman KWSP, dan harus dibayar keseluruhannya oleh pihak majikan.

5. Masalah “Reserve Army of Labour” harus dikendalikan secara yang berkesan.

- Semua pekerja migran tanpa dokumen harus didaftar semula dan “diputihkan”. Proses pemutihan yang sedang berlangsung mewujudkan banyak halangan kepada pekerja migran dan majikan mereka, dan juga mengenakan caj tinggi terhadap setiap pekerja. Ini adalah kerana proses pemutihan diberikan kepada syarikat swasta untuk dikendalikan, dan syarikat swasta ini mengenakan caj-caj yang tinggi, dan kadangkala ajen memakai proses pemutihan untuk menipu pekerja migran lagi.
- Ruang pekerja migran menunutut keadilan daripada mahkamah buruh harus diperluaskan dengan amalan mengeluarkan permit kerja sementara kepada sesiapa pekerja migran yang kehilangan kerja kerana mengadu terhadap majikannya. Jika mereka boleh kerja

dengan majikan lain secara sah sambil membicarakan majikan asal mereka di mahkamah, sudah tentu jumlah pekerja migran tanpa dokumen dapat dikurangkan.

- Majikan yang mengupah pekerja migran tanpa dokumen harus dikenakan hukuman penjara. Amalan bersikap keras terhadap pekerja migran tanpa dokumen (mereka kena disebat) harus dihentikan.

6. Memperkasakan JKKK tempatan

Jikalau JKKK dapat diperkasakan, mereka boleh memainkan peranan semak dan imbang (check and balance) di peringkat kampung. Pada takat ini bajet membayar JKKK kampung adalah RM 530 juta untuk tahun 2016. Satu jumlah yang amat besar. Dan di banyak kes, pemilihan Ketua JKKK adalah oleh Pejabat Tanah bersama Ketua Bahagian UMNO – yang merupakan antara pihak-pihak yang sering menyalahguna peruntukan yang disasarkan untuk miskin luar Bandar! Elaun JKKK harus dikekalkan. Tetapi pemilihan mereka harus diserahkan kepada orang kampung melalui pilihanraya di peringkat kampung.

7. Mewujudkan skim pencen untuk warga 70 tahun keatas.

Pada takat ini, majoriti besar yang sampai ke umur 70 tahun tidak ada pendapatan ataupun simpanan wang lagi. Jika anak-anak mereka juga berpendapatan rendah, warga tua ini sengsara kerana langsung tiada pendapatan. Pencen sebanyak RM 200 sebulan seorang akan membantu banyak dan akan membolehkan mereka hidup dengan bermaruah.

Ikut statistik kerajaan adanya 1.1 juta orang berumur 70 tahun dan keatas. Jika kita tidak menyertakan mereka yang sedang menerima pencen persaraan dan pencen perkeso (20% daripada jumlah golongan ini), bajet tahunan kita untuk skim begini adalah RM 2.2 bilion.

C. Peranan Sosialis

Adalah antara tanggungjawab kita, sosialis, untuk mendekati pekebun, penternak dan nelayan untuk berbincang dengan mereka punca-punca sebenar masalah mereka dan bersama mereka mencari jalan keluar. Kita harus turun ke padang dan bersama NGO dan individu yang berminat untuk mengadakan sesi-sesi dialog dengan masyarakat marhaen di luar Bandar.

Kita harus dapat maklumbalas mereka terhadap analisa dan syor-syor yang dikandungi dalam kertas kerja ini. Ada kemungkinan besar mereka akan mengesyorkan cadangan yang lebih tepat dan bernalas. Kita harus membantu mereka meletakkan isu-isu mereka ke atas agenda nasional dan dalam proses itu mewujudkan satu jaringan rakyat marhaen luar bandar.

Jeyakumar Devaraj
1hb Jun 2016

Nota.

1. Kawasan bandar didefinisikan sebagai kawasan penempatan dengan lebih daripada 10,000 orang penduduk di mana kurang daripada 40% orang berumur 15 ke atas kerja di sektor pertanian.

2. Angka-angka ini adalah dijangka daripada jawapan-jawapan kerajaan di Dewan Rakyat.

Pekebun getah – Jawapan di Parlimen 26/6/2013 # 97

Pekebun kelapa sawit - Jawapan di Parlimen 18/11/2015 # 22

Jawapan di Parlimen 20/3/2012 # 37

Pesawah padi - Jawapan di Parlimen Bertulis # 269

Nelayan - Jawapan di Parlimen 24/10/2012 #36/41

3. Pekerja kontrak pertanian, pekerja kilang, peniaga kecil, kaki tangan kerajaan dan pekerja estet.

4. T20 = 20% keluarga terkaya

M40 = 40% keluarga pertengah

B40 = 40% keluarga yang termiskin

5. Sumber: Kertas Kerja A Jayanath di mesyuarat Gabungan Kiri pada 28/5/2016

6. Petikan daripada Bajet Kementerian Pertanian

7. Petikan daripada Bajet Kementerian Kemajuan Luar Bandar

8. Kajian terhadap Ekonomi Masyarakat Desa Sg Siput U. Boleh didapati di Laman Web PSM.

9. Pengeluaran getah akan berkurangan pada musim peluruhan daun bila daun pokok getah jatuh. Jarangnya penoreh dapat menoreh kebun lebih daripada 24 hari sebulan kerana tidak dapat menoreh semasa dan selepas hujan.

10. Insentif Pengeluaran Getah (IPG) telah dilancarkan pada 1/1/2015 dan kini diaktifkan bila harga SMR20 jatuh ke bawah RM 5.50 sekilogram (sama dengan harga cuplump RM2.20 sekilogram). Jawapan di Dewan Rakyat 30/3/2016 #44.

11. Laporan Tahunan Lembaga Getah Malaysia 2014.

12. Economic Report 2015/2016. # 3-39

13. Jawapan di Dewan Rakyat 23/9/2013